



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 4

RABU 28 JANUARI, 1987.

رابعو 27 جادي الاول 1407

PERCUMA

Perlantikan hakim luar negeri akan diteruskan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlantikan hakim dari luar akan diteruskan sehingga terdapatnya rakyat negara ini yang sesuai dan cukup kelayakan untuk mengambil alih serta memelihara taraf penghakiman yang ada pada masa ini.

Menegaskan demikian di upacara Pembukaan Tahun Undang-Undang 1987 Isnin lepas, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara bersabda, kerajaan mengangap perlantikan rakyat negara ini bagi jawatan penting dalam jurusan kehakiman sebagai satu matlamat yang penting sepertimana yang telah diperolehi bagi Kamar Peguam Negara.

Menurut Yang Amat Mulia lagi perkara tersebut yang terkandung dalam perjanjian tahun 1963 membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melantik Pesuruhjaya Mahkamah Tinggi negara ini dari kalangan hakim-hakim Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di Hong Kong.

Yang Amat Mulia bersabda, apabila dilantik mereka yang berkenaan harus taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta mentadbir

undang-undang mengikut kelaziman dan adat negara ini.

"Brunei amat menghargai cara penyusunan ini yang memastikan pemeliharaan yang tinggi dalam pentadbiran keadilan," sabda Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja juga menjelaskan, 1 Januari, 1987 merupakan peringkat penting dalam sejarah undang-undang negara ini di mana syarat-syarat utama dalam Akta Iktisas Undang-Undang mula dikuatkuasakan setelah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menggantikan Enakmen Peguambela 1957.

"Adalah diharapkan agar di bawah syarat-syarat dalam akta baru ini, Iktisas Undang-Undang akan dapat dikawal dengan lebih teratur dengan cara yang sama sebagaimana lazimnya bagi para peguam lain di negara-negara jiran," sabda Yang Amat Mulia.

Lihat muka 3

MANISNYA IMAN

"BARANGSIAPA yang tiada mengambil berat hal-ehwal orang-orang Islam maka bukanlah dia daripada kalangan mereka (yang dapat diharapkan pimpinannya)." — Hadis Nabi riwayat Al-Baihaqi daripada Anas.

PETIKAN TITAH

"Hanya dengan terjaminnya keamanan selama ini kita nikmati maka Negara Brunei Darussalam akan terus makmur dan maju supaya segala hasil rancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan kita dapat dinikmati oleh anak cucu keturunan kita yang akan datang."

Dititahkan semasa Istiadat Mengadap sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-40 tahun bagi Daerah Belait pada 29 Julai, 1986.

Bagi menghalang jenayah kolar putih:

Kita perlu berwaspada



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan menerima mengadap wakil Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Sedunia, Puan Hajjah Halimah binti Taip. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Wakil Persatuan Pandu Puteri Sedunia mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Antarabangsa Persatuan Pandu Puteri Malaysia yang juga selaku wakil Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Sedunia, Puan Hajjah Halimah binti Taip di Istana Nurul Iman di sini pada 19 Januari lepas.

Puan Hajjah Halimah telah diiringi oleh Timbalan Naib Yang Dipertua II Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Datin Masni binti Ali dan Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Negara, Datin Paduka Hajjah Zahara binti Haji Idris serta ahli-ahli

tertinggi Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama di istiadat

mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah.

Ucapan tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada: Tuan Yang Terutama Sir Ninian Stephen, Governor-General dan kepada Yang Berhormat Tuan Robert James Lee Hawke, Perdana Menteri Australia bersempena dengan Hari Kebangsaan Australia.

Baginda juga telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Giani Zail Singh, Presiden dan kepada Tuan Yang Terutama Tuan Rajiv Gandhi, Perdana Menteri Republik India bersempena dengan Hari Republik India yang masing-masing jatuh pada 26 Januari 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara mengingatkan supaya kita perlu berwaspada dan mengambil langkah-langkah yang patut bagi menghalang merebaknya jenayah kolar putih.

Menurutnya kegiatan jenayah kolar putih yang wujud dalam tahun 1986 di negara ini umumnya membahayakan ekonomi atau pendapatan serta kebajikan masa depan penduduk.

"Ianya secara langsung melibatkan kepercayaan dan kemantapan, dan di beberapa buah negara ianya dengan tepat sekali dianggap seburuk pengkhianatan," sabda Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja juga menjelaskan dengan adanya pengawalan dan kecekapan pasukan Polis Diraja Brunei kejadian jenayah yang sering seperti pecah rumah dan rompakian telah berkurangan.

Ini menurut Yang Amat Mulia telah menimbulkan kebimbangan di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini di mana jenayah berkenaan meningkat di masa-masa lalu.

Bersabda di upacara Pembukaan Tahun Undang-Undang 1987 di Bangunan Mahkamah di sini pada Isnin lalu Yang Amat Mulia juga mengingatkan tentang masalah penyalahgunaan dadah seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan baru-baru ini.

Yang Amat Mulia menjelaskan undang-undang berkenaan di negara ini telah

Lihat muka 20

GUNAKAN METRIK UNTUK KEMUDAHAN



Pelita Brunei
BERSEKUTUHAN PADA HALU-TUP BUKU BAKI

28 JANUARI, 1987

*Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang*

KEJADIAN JENAYAH DI NEGARA KITA

KEJADIAN jenayah, baik dalam apa bentuk sekalipun, adalah merupakan ancaman kepada ketenteraman serta keharmonian kehidupan suatu masyarakat, yang secara langsung turut menjejaskan keamanan negara.

Memang tidak dapat disangkal, tiada siapapun atau pertubuhan manapun yang dapat

menghapuskan secara menyeluruh semua kegiatan jenayah dari terus berlaku. Namun, kita sebagai bangsa yang cintakan ketenteraman dan menyanjung tinggi nilai-nilai susila yang terpuji tidak akan lalai berusaha membendung kejadian jenayah dari terus merebak.

Teladan ke arah ini bermula dari peningkatan sikap kepekaan kita terhadap apa jua bentuk jenayah kerana ada setengah kejadian jenayah itu dilakukan berpunca dari sikap kita yang terlalu mementingkan diri sendiri di samping keegoan yang tidak ada batas. Misalnya, keengganan mematuhi undang-undang haruslah dikikis kerana kalau tabiat serupa ini dibiarkan, ia lebih banyak mendedahkan kita kepada sikap negatif yang akhirnya menyemai bibit-bibit penjenayahan.

Peningkatan kesedaran betapa pentingnya keamanan serta ketenteraman itu dikekalkan haruslah diseimbangkan dengan kejujuran kita semua untuk menjadi anggota masyarakat yang berguna sesuai dengan aspirasi bangsa kita yang sentiasa taat kepada raja, taat mengerjakan suruhan-suruhan agama, penuh beradab dan beradap. Kalau nilai-nilai serupa ini terus kita serahkan serta amalkan dalam kehidupan seharian, insya-Allah, kadar jenayah di negara

kita ini akan terus menurun. Tentulah, bagi mengelakkan jenayah ini dari terus berlaku bukan dibebankan kepada pihak-pihak berkenaan sahaja, tetapi kita juga serta ahli-ahli keluarga lainnya juga memainkan peranan yang penting dengan perkiraan mereka sama-sama mendisiplinkan ahli keluarga masing-masing untuk tidak terlibat dalam mana-mana jua jenayah.

Tahun lalu terdapat 36 kes perbicaraan jenayah di Mahkamah Tinggi berbanding dengan 12 kes dalam tahun 1985 dan 23 kes dalam tahun 1984. Meskipun angka ini tinggi dibanding dengan tahun-tahun sebelumnya tetapi ia bukanlah petanda keadaan keamanan negara kita tidak terkawal. Malah, kita masih lagi bebas dari jenayah yang begitu serius.

Maka, dalam kita terus menikmati suasana aman dalam kemantapan sosio-politik-ekonomi negara, peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan adalah bertujuan bagi memastikan perlindungan dan penjagaan terhadap nyawa dan harta benda diimbali dengan wujudnya pengadilan yang bebas dan tidak berat sebelah. Hal ini membolehkan Kerajaan kita terus-menerus menumpukan usaha ke arah pembangunan negara — meningkatkan taraf hidup serta memajukan ekonomi semata-mata

jua bagi kebajikan rakyat dan penduduk negara kita ini.

Di masa-masa yang lalu kita begitu bimbang dengan kejadian jenayah seperti pecah rumah dan rompakan tetapi dengan adanya pengawasan dan kecekapan Pasukan Polis Diraja Brunei, kejadian ini telah pun berkurangan.

Bagaimanapun dalam tahun 1986 timbul pula kegiatan jenayah baru iaitu 'jenayah kolar putih'. Jenayah serupa ini lebih membahayakan ekonomi, prestasi serta kewibawaan sesebuah negara dan secara langsung menjejaskan kebajikan sebahagian rakyat dan penduduk negara kita.

Menteri Undang-Undang kita bersabda bahawa jenayah kolar putih dan jenayah pertubuhan adalah jauh lebih serius, merosakkan, mudah merebak serta bertopengkan penghormatan, lanya secara langsung melibatkan kepercayaan dan kemantapan, bahkan di beberapa buah negara jenayah serupa ini dianggap seburuk-buruk pengkhianatan. Oleh itu setiap rakyat dan penduduk perlu meningkatkan kewaspadaan dan sentiasa peka terhadap apa jua unsur-unsur yang membawa kepada penjenayahan baik jenayah ringan mahupun jenayah kolar putih.



KETUA Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Major Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad sedang menyematkan pingat Kerja Lama dan Kelakuan Baik kepada salah seorang anggota tentera yang menerima anugerah pada hari itu. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Brunei Darussalam dalam kenangan

PADA tahun 1975, pihak Kerajaan Brunei telah memutuskan untuk menubuhkan satu cawangan bagi Pasukan Polis Lapangan Terbang. Penubuhan cawangan Pasukan Khas Polis Lapangan Terbang itu, sebenarnya adalah sebagai mengawasi langkah-langkah keselamatan di Lapangan Terbang serta pesawat-pesawat kapal terbang yang mendarat dan juga para

penumpangannya.

Pasukan Polis Lapangan Terbang yang mula ditubuhkan pada tahun 1975 itu telah dapat menjaga keselamatan di Lapangan Terbang tersebut.

Sebenarnya sebelum penubuhan Pasukan Polis Lapangan Terbang itu, tanggungjawab bagi memastikan keselamatan Lapangan Terbang adalah dijalankan oleh Polis Daerah.

Yang Dimuliakan Pehin menegaskan, tata-tertib dan kelakuan yang baik adalah asas yang perlu ditanam di jiwa para anggota tentera kerana tata-tertib dan disiplin itu adalah teras yang membantu bagi mencapai kemenangan di dalam medan perjuangan.

Ketua Turus ABDB itu menegaskan perkara ini ketika berucap sejurus sebelum menyampaikan anugerah Pingat Kerja Lama dan Kelakuan Baik kepada 31 orang anggota ABDB yang berlangsung pada pagi Jumaat, 23 Januari lalu di Padang Kawad, Berakas Garrison di sini.

Yang Dimuliakan Pehin berkata, meskipun ABDB tidak mengalami masalah disiplin di bandingkan dengan tentera-tentera di lain negara, tetapi pencapaian di bidang itu perlu ditingkatkan memandangkan terdapatnya tanda-tanda kelonggaran dari sebilangan anggota tentera yang kurang menjaga taraf disiplin masing-masing akhir-akhir ini.

Kecuaian itu termasuklah dalam perkara-perkara seperti kurang cergas pada memberi hormat dengan cara yang betul, berpakaian tidak kemas dan tidak senonoh, lambat datang ke tempat kerja dan meninggalkan tempat kerja tanpa kebenaran dari pegawai atasan semata-mata untuk membuat urusan persendirian.

Oleh: Aisah Piee

"Saya harap anggota-anggota yang mencuaikan disiplin ini akan mengambil ingatan bahawa tata-tertib yang sempurna mestilah di jaga pada sebarang waktu untuk menjaga imej ABDB," tegas Yang Dimuliakan Pehin.

Yang Dimuliakan Pehin juga melahirkan rasa dukacita kerana terdapatnya sebilangan kecil anggota ABDB yang terlibat dalam kegiatan jenayah, seperti mencuri, merogol dan menyalahgunakan dadah.

Yang Dimuliakan Pehin berkata, perbuatan sebilangan kecil anggota ABDB itu adalah seperti setitik nila yang tumpah merosakkan susu sebelanga dan menunjukkan mereka itu telah kurang didikan tata-tertib tentera serta kurang akhlak kehidupan yang sempurna.

Ketua Turus ABDB seterusnya menekankan, tugas ABDB adalah bagi mempertahankan negara dan membantu pihak yang tertentu untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara, dan orang yang terlibat dalam kes jenayah itu, tegasnya lagi, adalah menjadi sampah dan perosak masyarakat yang

tidak mempunyai tempat dalam ABDB.

Yang Dimuliakan Pehin seterusnya mengemukakan, "Saya ingin menekankan bahawa orang-orang yang telah melakukan jenayah terutama penagih dadah, perogol dan pencuri akan disingkirkan perkhidmatan mereka dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei."

31 orang ahli ABDB yang menerima pingat tersebut telah berkhidmatan dengan ABDB selama 18 tahun. Ia juga sebagai satu penghargaan terhadap jasa dan kelakuan baik para penerima sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

DBP terima sumbangan buku

Perak ke-25 tahun jabatan tersebut telah pun menerima dua sumbangan buku. Sumbangan pertama ialah

daripada Kerajaan Australia pada minggu lalu.



DUTA Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan T. Kawamura ketika memberikan taklimat kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Haji Ahmad Kadi di majlis penyampaian buku-buku baru-baru ini. — Gambar Ihsan DBP.

Toleh pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 23 Februari 1966 mencatatkan tentang kesediaan Kerajaan Brunei mendermakan wang sebanyak \$20,000 kepada tabung pembinaan Masjid Besar, Kuching.

Kesediaan Kerajaan menyumbangkan derma itu terkandung dalam kawat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin (kini dikenali sebagai Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin

Al-Haj) kepada Pengerusi Masjid Besar Kuching, Dato Haji Abang Marzuki.

Dalam kawat itu, Yang Amat Mulia menegaskan bahawa Kerajaan dan rakyat Brunei berharap supaya masjid tersebut akan menjadi pusat penyebaran agama Islam.

Yang Amat Mulia berharap dengan adanya derma tersebut, perhubungan rakyat kedua-dua buah negara yang sudah sedia terjalin itu akan bertambah kukuh dan berkekalan selamanya.

Negara kita aman dalam hubungan perindustrian

BANDAR SERI BEGAWAN.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Omar bin Haji Serudin menisfatkan negara kita sebagai negara yang aman dalam konteks hubungan perindustrian, di mana tidak terdapat sebarang tunjuk perasaan atau bantahan perkhidmatan.

Menurutnya, suasana aman dalam perindustrian itu adalah ekor dari langkah Kerajaan negara kita yang terus-menerus menitikberatkan kebajikan pekerja-pekerja dan majikan-majikan dalam kedua-dua sektor awam dan persendirian.

Beliau berkata, di bawah Undang-Undang Buruh, para pekerja dan majikan diberi jaminan bebas berpersatuan dan kita sendiri mempunyai peruntukan pengadilan bagi perselisihan buruh.

Menyatakan demikian ketika mengalu-alukan Mesyuarat Ke-5 Jawatankuasa Penasihat Rancangan, Rancangan ASEAN Mengenai Hubungan Perindustrian bagi Projek Perkembangan yang berlangsung di Rumah Persinggahan Kerajaan di sini pada hari Rabu, 21 Januari lalu, Awang Haji Omar seterusnya berkata, walaupun negara kita aman kita memerhati dengan minat pelbagai skim kerjasama dalam ASEAN.

"Kita memerhati dengan minat pelbagai skim kerjasama yang akan mempertingkatkan produktiviti yang tinggi bagi kepentingan pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial," tegas Awang Haji Omar.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri itu juga berkata, kita juga menyedari bahawa langkah-langkah terbaru sedang dalam pelaksanaan dalam ASEAN agar semangat kerjasama dalam bidang hubungan pengurusan buruh mengambil alih semangat pertelingkahan atau perbantahan.

Oleh: Aisah Piee

Juga berucap di majlis pagi itu ialah Penasihat Kanan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Projek

Hubungan Industri ASEAN, Dr. Cicero D. Calderon, dan Mr. David Thorup, Wakil Timbalan Serantau, UNDP Bangkok.

Mesyuarat ke-5 dan juga yang terakhir bagi

Jawatankuasa Penasihat itu berlangsung selama empat hari sehingga hari Sabtu lepas. Ianya telah dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Zainal bin Haji Momin.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Omar bin Haji Serudin, ketika berucap mengalu-alukan Mesyuarat ke-5. Jawatankuasa Penasihat Rancangan, Rancangan ASEAN mengenai Hubungan Perindustrian bagi Projek Perkembangan. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Kelas Kanak-Kanak Cacat terima alat musik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelas Kanak-Kanak Cacat Kampong Lorong Dalam di sini telah menerima sumbangan alat-alat musik dari Kedutaan Republik Persekutuan Jerman pada pagi Khamis, 22 Januari lepas.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke negara kita, Tuan Yang Terutama Dr. Eckart Karl Heinrich Cuntz kepada Dr. Jacob, Penguasa Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, bagi pihak

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan.

Upacara penyampaian sumbangan berupa alat-alat musik itu diadakan di Klinik Kesihatan Kampong Lorong Dalam. Kelas Kanak-Kanak Cacat itu dimulakan dalam bulan November tahun lalu oleh sekumpulan sukarela bagi kanak-kanak cacat kawasan tersebut, termasuk kampong Lumapas.

Hadir di majlis penyampaian pagi itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohd. Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul

Momin, serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian tersebut.

Kekalkan kesempurnaan mahkamah

Dari muka 1

Yang Amat Mulia menegaskan ciri penting dalam akta berkenaan ialah jentera bagi mendengar pengaduan terhadap Peguambela dan Peguamcara yang telah disebutkan oleh Ketua Hakim.

Yang Amat Mulia berharap orang ramai dan anggota iktisad yang berkepentingan dalam pelaksanaan yang

teratur di mahkamah di samping dapat mengekal kesempurnaan mahkamah.

Menyentuh kemungkinan penubuhan Kesatuan Undang-Undang, Yang Amat Mulia itu menjelaskan, ianya dirasakan tidak bersesuaian pada tahap ini untuk menguatkuasakan syarat-syarat dalam akta berkenaan yang menyentuh tentang Kesatuan Undang-Undang, selaras dengan keperluan un-

tuk memastikan bahawa kepentingan dalam negeri adalah cukup terkawal.

Ini menurut Yang Amat Mulia ialah memandangkan bilangan rakyat negara ini yang menceburi diri dalam perusahaan persendirian adalah kecil.

Terdahulu dalam ucapan itu, Yang Amat Mulia menjelaskan negara kita terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran berikutan keupayaan kita mengekalkan keteguhan kewangan meskipun menghadapi kemelesetan ekonomi.

Dalam kita terus menikmati suasana demikian itu, jelas Yang Amat Mulia, maka dengan wujudnya pengadilan yang bebas dan tidak berat sebelah membolehkan kita menguatkuasakan peraturan undang-undang bagi memastikan perlindungan yang sah dan penjagaan terhadap nyawa dan hartabenda.

Dengan demikian terang Yang Amat Mulia, membolehkan kerajaan untuk terus-menerus menumpukan usaha ke arah pembangunan negara, membaiki taraf hidup, keselamatan dan kemajuan ekonomi penduduk negara ini.

"Dalam kesemuanya ini undang-undang memainkan peranan yang penting," sabda Yang Amat Mulia.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Limau Manis	28.1.1987	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Pengkal Batu	28.1.1987	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Masin	28.1.1987	Rabu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kupang	28.1.1987	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Pantai Berakas	29.1.1987	Khamis	9.00-10.00 pagi
Padang Kawat Berakas Garison	29.1.1987	Khamis	10.05-11.05 "
Sekolah Rendah Jerudong	31.1.1987	Sabtu	8.30- 9.30 "
Pusat Tahanan Jerudong	31.1.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Sengkurong	31.1.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Agama Sengkurong	31.1.1987	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah OKSB Kilanas	31.1.1987	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	31.1.1987	Sabtu	4.30- 5.30 "
Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu	1.2.1987	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kampong Perpindahan Serasa	1.2.1987	Ahad	10.15-11.15 "
Di Hadapan Kedai Muara	1.2.1987	Ahad	11.30-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Lumapas	2.2.1987	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Rendah Junjungan	2.2.1987	Isnin	9.00-10.00 "
Sekolah Rendah Panchor Murai	2.2.1987	Isnin	10.15-11.15 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	2.2.1987	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Agama Kampong Perpindahan Berakas	2.2.1987	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Rendah OKBI Subok	3.2.1987	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	3.2.1987	Selasa	10.30-11.30 "



DUTA Besar Republik Persekutuan Jerman Barat, Tuan Yang Terutama Dr. Eckart Karl Heinrich Cuntz menyampaikan alat-alat muzik kepada Dr. Jacob. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS..... Siri ke-365

BERKATA Al-'Allamah Ibnu Hazn pemimpin puak Dhahiriyyah yang meninggal tahun 457 Hijrah di Pantai Atlantik di Tanah Maghribi dalam kitabnya Maratibul Ijma'.

Ijma' ulama Islam atau Ijma' dan sekata sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam suatu perkara agama itu. Dan ia adalah suatu q'adah dari q'adah q'adah agama Islam (dalil atau dasar), dikembalikan kepadanya (Ijma') dan disandarkan kepadanya apabila ada sesuatu kecamasan dalam masalah atau hukum Islam, dan dihukumkan kufur ke atas sesiapa yang menyalahinya. Apabila telah didirikan keterangan ke atasnya bahawa sesuatu perkara agama telah ada ijma' atau sekata ulama padanya.

Katanya : Telah ittifaq ulama Islam bahawa rambut perempuan yang merdeka (bukan hamba sahaya) dan badan perempuan merdeka selain dari mukanya dan tangannya (dua tapak tangannya), adalah aurat yang wajib ditutup.

Katanya : Ulama Islam telah bersalah-salahan pada perkara muka perempuan merdeka dan pada dua tapak tangan perempuan merdeka hingga kuku jari dua tapak tangannya. Adakah ia aurat yang wajib ditutup atau tidak?

Perempuan berlingkungan dari penglihatan laki-laki asing. Berkata Tuan Guru al-'Allamah Asysyikh Muhammad Zahid Al-Kauthari dalam Maqalat Al-Kauthari Rahimahullahu Taala.

Adalah isteri-isteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diperintahkan di dalam kitab Allah Quran Al-Karim dengan firman Allah dalam ayat 33 Surah Al-Ahzab: tafsirnya : Tetaplah kamu hai isteri-isteri Rasulullah di dalam rumah-rumah kamu dan jangan kamu menampakkan kejelitaan perempuan kepada laki-laki asing, sebagaimana kelakuan perempuan-perempuan Jahiliyah sebelum Islam itu.

Hijab Perempuan

Isteri-isteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diperintahkan berlingkungan dari pandangan laki-laki asing (Hijab), padahal isteri-isteri Rasulullah itu ibu-ibu orang-orang laki-laki Islam (ibu orang Islam) dengan nas kitab Allah Quran (dengan perintah Allah Taala sendiri), maka perempuan-perempuan Islam yang lain (daripada isteri-isteri Rasulullah), adalah lebih utama daripada isteri-isteri Rasulullah, berlingkungan dari pandangan laki-laki asing, kerana perempuan-perempuan itu perempuan asing kepada laki-laki asing selain daripada kerabat laki-laki yang mahram.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam ayat 59 Surah Al-Ahzab yang tafsirnya : "Hai Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, kata olehmu kepada isteri-isteri kamu, dan kepada anak-anak perempuan kamu, dan kepada perempuan-perempuan orang Islam melabuhkan baju mereka di atas muka mereka, apabila mereka keluar rumah kerana sesuatu hajat, melainkan satu mata sahaja." (Dari Tafsir Al-Jalalain).

Allah Taala memberi hukum yang sama di antara isteri-isteri Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dengan perempuan-perempuan orang Islam pada wajib berlingkungan dari pandangan laki-laki asing dengan betul-betul dan bersungguh-sungguh berlingkungan.

Attabli Al-Jalil 'Abidah Assalamani Warith 'Ilmu (murid) Sayidina Ali bin Abi Talib dna Warith 'Ilmu sahabat Ibnu Mas'ud Radhiallahuunhuma, Attabul 'Abidah itu telah dipakai 'ilmunya dan fahamannya itu oleh ulama seperti Kadhi Syurair, yang telah menjadi kadhi (Hakim Besar) Jajahan Kufah selama 60 tahun, dari zaman Khalifah Sayidina Umar Radhiallahu Anhu.

Bahagian pertama

YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

Attabli 'Abidah itu telah mentafsirkan perkara melabuhkan baju atau pakaian atau telekung ke atas muka, sebagaimana telah diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Jarir dalam tafsirnya (Tafsir Ibnu Jarir), maka ia berkata : Telah ditahdithkan (dikhabarkan) daku oleh Ya'qub, maka berkata Ya'qub : "Telah ditahdithkan daku oleh Ibnu Aulayyah, daripada Ibnu 'Aun, daripada Muhammad, daripada 'Abidah dalam perkara firman Allah Taala di atas tadi.

Maka Ibnu 'Aun itu memakai pakaian jilbab itu (baju labuh dan luas) di hadapan kita, kata Ibnu 'Aun : Telah memakai di hadapan kita oleh Muhammad, kata Muhammad : Telah memakai jilbab itu di hadapan kita oleh 'Abidah, kata Ibnu 'Aun : Dia berselubung dengan baju jubahnya dan ia tutup hidungnya dan matanya yang kiri dan ia keluarkan matanya yang kanan (ia tutup lubang leher bajunya dan lehernya, dan kepalanya dan mukanya dan hidungnya dan mata kirinya dan segala badannya) dan ia rapatkan bahagian jubahnya ke atas sehingga sampai ke paras bulu kening atau ke atas paras bulu keningnya. (Ini dikatakan hijab perempuan menurut riwayat Attabli 'Abidah itu).

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

Tujuh lagi memeluk agama Islam

TUTONG. — Seramai tujuh orang telah memeluk agama Islam di Daerah Tutong di sepanjang bulan Disember 1986.

Mereka yang memeluk agama Islam itu terdiri dari Dayang Randai Anak Birai yang kini dikenali sebagai Dayang Fatimah binti Abdullah, berumur 20 tahun ; Dayang Idah Anak Ujah atau Nurul Idah binti Abdullah, berumur 14 tahun. Kedua-duanya berbangsa Iban dan Dayang Fong Guat Chung atau Dayang Roslina binti Abdullah berbangsa China dan berumur 23 tahun.

Ketiga-tiga saudara baru itu melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Siti Mas Noyah binti Haji Besar, Pembantu Perkembangan Agama, Tutong.

Dayang Sayang @ Yunong binti Pantong atau dikenali sebagai Dayang Rohana binti Abdullah, berbangsa Dusun dan berumur 46 tahun dan Dayang Aminah Anak Ujah atau Dayang Aminah binti Abdullah, 9 tahun berbangsa Iban. Kedua-dua mereka melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Imam Haji Abd. Wahab bin Imam Daud, Imam Masjid Kampong Danau, Tutong.

Dua orang lagi yang memeluk Islam terdiri dari Awang Barayan bin Anai atau Awang Bahrin bin Abdullah berumur 25 tahun dan berbangsa Dusun. Awang Bahrin telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Yusop bin Haji Kamis, Pembantu Kanan Perkembangan Agama. Sementara Awang Wahid bin Paun, berumur 25 tahun melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Omar bin Haji Ismail, Penolong Pegawai Perkembangan Agama, Tutong.

GADONG. — Serombongan 13 orang peserta kajian rancangan peninjauan bagi pegawai-pegawai pendidikan pencegahan dadah dan pegawai-pegawai penerangan masyarakat ASEAN telah menghadiri majlis taklimat mengenai perkembangan dadah dan kesannya di negara ini, bertempat di Bilik Persidangan Perkampungan Gadong, Sabtu lepas.

Rombongan yang mengandungi dua orang perwakilan di tiap-tiap negara ASEAN termasuk seorang perwakilan dari Agensi Kemajuan Antarabangsa Kanada itu adalah dalam rangka lawatan sambil belajar ke negara-negara ASEAN.

Pada keseluruhannya kajian/rancangan peninjauan itu bertujuan untuk mengurangkan penyalahgunaan dadah di rantau ASEAN melalui pendidikan pencegahan dadah dan penerangan kepada masyarakat.

Selain daripada itu ianya juga bertujuan bagi menguatkan lagi pendidikan pencegahan dadah dan bertukar-tukar pengalaman di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pendidikan pencegahan dadah dan penerangan kepada masyarakat, di samping meneliti berbagai strategi dan pendekatan-pendekatan dalam pendidikan pencegahan dadah dengan mengumpulkan maklumat-maklumat, kemahiran-kemahiran dan cara-cara praktikal.

Ketua Unit Anti Dadah, Datin Masni Haji Mohd. Ali dalam taklimatnya menyatakan berhubung mengenai perkembangan dadah serta langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Antara yang menyampaikan taklimat termasuklah

13 pegawai ASEAN hadir taklimat mengenai dadah

Oleh: Ahat Haji Ismail

Pemangku Pegawai Pentadbir Unit Anti Dadah, Awang Mohammad Haji Metussin, Awang Suhaili Haji Karim, wakil Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran, dan Dr. Haji Zinna, Pegawai Kesihatan Sekolah.

Beberapa sesi soal jawab daripada para peserta juga diadakan termasuk penerangan-penerangan melalui filem-filem slaid yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

Datin Masni binti Haji Ali, Ketua Unit Anti Dadah ketika memberikan taklimat. — Gambar oleh Harun Rashid.



Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 28 Januari, 1987 hingga ke hari Selasa 3 Februari, 1987 adalah seperti di bawah ini : —

HARI	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Januari												
28	12.35	3.55	3.56	6.30	6.31	7.42	7.43	5.23	5.10	5.24	6.36	6.37
29	12.36	3.55	3.56	6.30	6.31	7.42	7.43	5.23	5.10	5.24	6.36	6.37
30	12.36	3.55	3.56	6.30	6.31	7.42	7.43	5.23	5.10	5.24	6.36	6.37
31	12.36	3.55	3.56	6.30	6.31	7.42	7.43	5.24	5.11	5.25	6.36	6.37
Februari												
1	12.36	3.55	3.56	6.31	6.32	7.43	7.44	5.24	5.11	5.25	6.36	6.37
2	12.36	3.55	3.56	6.31	6.32	7.43	7.44	5.24	5.11	5.25	6.36	6.37
3	12.36	3.55	3.56	6.31	6.32	7.43	7.44	5.24	5.11	5.25	6.36	6.37

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Menghormati tetamu sangat digalakkan oleh ugama Islam

MANUSIA hidup di dunia ini berkeluarga, berteman dan berjiran. Manusia pada tabiat semula jadinya adalah bersifat lemah dan perlu pertolongan bukan saja pertolongan dari Tuhan tetapi juga pertolongan di antara sesama manusia sendiri sebagai satu ikhtiar dan usaha. Dalam keadaan manusia seperti ini, sikap saling hormat-menghormati antara satu sama lain adalah sangat penting. Bila manusia sudah saling hormat-menghormati kehidupan akan bertambah aman, hidup bersefahaman dan semangat tolong-menolong bolehlah diwujudkan dengan ikhlas dan jujur. Manusia punya hak masing-masing dan hak yang terlebih baik bagi seorang manusia yang dikunjungi oleh tetamu ialah menghormati tetamunya itu.

Sesungguhnya menghormati tetamu itu sangatlah digalakkan oleh Ugama Islam meskipun tetamu kita itu adalah musuh kita sendiri. Junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda diriwayatkan oleh Bukhari Muslim, yang bermaksud: *"Siapa yang percaya kepada Allah dan hari kemudian, harus menghormati tamunya bagian istimewa. Sahabat bertanya: Apakah keistimewaan itu? Jawab Nabi: Bahagiannya pada hari dan malam pertama. Dan menghormati tetamu itu sampai tiga hari kemudian selebihnya dari itu maka itu dikira sedekah."* Begitu lah betapa pentingnya menghormati tetamu itu kepada kita. Ugama Islam bukan saja mengajar kita dan menganjurkan kita supaya percaya kepada Allah dan hari kemudian tetapi kita juga dianjurkan dan digalakkan untuk menghormati tetamu sehingga menghormati tetamu itu juga ada kalanya dikira sebagai sedekah.

Sebagai seorang Muslim dan Muslimat yang punya adat kesopanan yang tinggi dan hidup dengan cara Islam, kita haruslah berbuat baik kepada tetamu dan menghormatinya. Apabila datang seorang tetamu ke rumah kita, sama ada kita kenali atau tidak, kawan atau musuh kita, dan jika ia memberi salam atau ucap selamat kepada kita, maka wajiblah kita balas salamnya itu dan sambutlah tetamu itu dengan muka yang manis. Sesungguhnya bermuka manis itu adalah juga dikira sebagai sedekah dan salam itu pula adalah sebuah doa. Andainya kedudukan kita lebih tinggi dari tetamu yang datang itu, hendaklah kita merendahkan diri kita apalah lagi

SIAPA yang percaya kepada Allah dan hari kemudian, harus menghormati tamunya bagian istimewanya. Sahabat bertanya: Apakah keistimewaan itu? Jawab Nabi: Bahagiannya pada hari dan malam pertama. Dan menghormati tetamu itu sampai tiga hari kemudian selebihnya dari itu maka itu dikira sedekah.

jika sesama Muslim. Utamakanlah mereka dari yang lain.

Ketika berbicara dengan tetamu eloklah berbicara dengan lemah lembut dan manis. Janganlah bersikap kasar atau tidak mengambil indah kepada tetamu. Jikalau tetamu itu datang pada ketika kita sedang berada di dalam kesibukan, janganlah hendaknya kita cuba-cuba melihatkan ketidak senangan dan kesibukan kita itu kepada mereka yang berkunjung ke tempat kita dengan harapan agar mereka akan segera pulang dan beredar dari kita. Berbicaralah dengan kalimat yang baik dan manis lagi menyenangkan hati. Janganlah berbicara sehinggalah menyentuh sesuatu yang boleh menyinggung emosi dan mengecilkan hati tetamu kita. Ingatlah sabda Nabi yang bermaksud: bahwa kalimat yang baik itu juga adalah sebagai sedekah. Justeru, manis kanlah muka dan baiklah bahasa ketika sedang menghadapi tetamu.

Janganlah kita bertanya kepada tetamu sama ada dia mahu kita hidangan sesuatu atau tidak, pun janganlah kita tanyakan sama ada ia gemar kepada hidangan kita atau tidak. Hidangkanlah apa yang ada saja dan janganlah cuba-cuba menunjukkan yang kita tidak ada sesuatu untuk dihidangkan kerana ini mungkin akan membuat mereka itu merasa malu dan serba salah. Tetapi tuan rumah bolehlah bertanya kepada tetamu tentang apa yang digemarinya dan hidangkanlah makanan yang disenangi oleh tetamu itu.

Janganlah menghidangkan sesuatu hidangan yang telah berubah warna, bau dan rasanya dari yang asalnya seperti menghidangkan makanan yang telah lama tersimpan atau basi, kerana hidangan seperti ini adalah suatu penghinaan dan mungkin akan memperkecilkan hati mereka. Ketika menjamu makanan, janganlah memaksa mereka itu untuk makan makanan yang kita hidangkan kerana dengan cara seperti itu boleh membuat tetamu

Menuju Keredaan Allah

merasa segan untuk mengunjungi kita kembali.

Kedatangan tetamu adalah satu rahmat kepada kita. Kita boleh bertukar-tukar fikiran, berbincang dan meminta pertolongan, tetapi janganlah sampai membebaskan kepada tetamu dan menyusahkan dirinya kerana ini akan membuat tetamu kita merasa tidak mahu datang ke tempat kita.

Maka dalam hubungan ini, apakah kita tidak mahukan rahmat? Jika kita mahukan rahmat, maka hormatilah tetamu kita. Janganlah melakukan sesuatu yang kurang sopan dan kurang baik di hadapan mereka. Janganlah melakukan sesuatu yang tidak menyenangkan hati tetamu yang mungkin menyebabkan mereka itu marah dan benci kepada kita, kerana perkara-perkara seperti ini boleh menyebabkan tetamu kian menjauhkan diri dari kita.

Apabila tetamu meminta izin untuk pulang dan beredar, seharusnya kita terlebih dahulu mengucapkan terima kasih dan ajaklah tetamu kita itu untuk mengunjungi kita lagi. Lepaskanlah kepulangnya dengan senyum dan muka yang manis sebagai tanda kesenangan dan kegembiraan kita di atas kunjungannya.

Begitulah antara lain ajaran-ajaran Islam dalam menghormati para tamu. Tidak syak lagi jika ajaran yang demikian itu dipraktikkan oleh setiap umat Islam, maka akan wujudlah sebuah masyarakat Islam yang kukuh lagi padu yang hidup di atas dasar hormat-menghormati antara seorang Muslim dengan seorang Muslim yang lain.

BERTAKWALAH tuan-tuan kepada Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Adalah makhluk manusia itu semulia-mulia makhluk Allah Taala, ia lebih mulia daripada langit dan bumi, lebih mulia daripada gunung-gunung dan tumbuh-tumbuhan, lebih mulia daripada semua jenis binatang dan bahkan lebih mulia daripada jin dan malaikat.


Segala kejadian yang dijadikan oleh Allah di dunia ini semuanya itu adalah untuk muslihat manusia belaka, baik yang ada di laut mahupun yang di darat dan di angkasa, semua itu untuk manusia, sebagaimana firman Allah yang bermaksud: *"Dia (Allahlah) yang telah menjadikan semua yang ada di muka bumi ini untuk kamu (manusia)."*

Jika kita benar-benar insafkan kedudukan kita selaku makhluk yang paling mulia di sisi Allah, serta menyedari hakikat kejadian-kejadian yang lain selaku rahmat pemberian Allah kepada kita, maka sudah tentu manusia itu akan sentiasa bersyukur dan memelihara kedudukannya supaya jangan sampai dicemarkan oleh perbuatannya sendiri. Ada beberapa sifat yang boleh mengerumuskan manusia itu kepada kebinasaan, atau setidak-tidaknya akan menghilangkan sifat-sifat mulia yang telah dikurniakan Allah kepadanya. Pertama dalam Bahasa Arab disebut sebagai sifat Assayitaniah iaitu sifat kesyaitanan, gila berlagak membanggakan diri dan di dalam hatinya bersarang perasaan hasad dengki, bermuka-muka dan suka melaga-melagakan orang lain, mereka yang seumpama ini diingatkan Allah seperti dalam firman-Nya dalam surah Al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata."*

Kedua sifat Al-Bahimiah, iaitu sifat kebinatangan yang penuh dikuasa oleh hawa nafsu. Hidup bagi mereka tidak ada lain yang difikir selain makan dan hubungan jantina yang sepuas-puasnya, tidak kira halal haram, tidak tahu malu atau segan asal hati puas, itulah matlamatnya. Untuk mereka ini, Allah membuat ibarat dengan firman-Nya dalam surah Al-Akrab ayat 179 yang bermaksud: *"Mereka itu tidak ubahnya seperti haiwan berkaki empat, bahkan mereka lebih sesat lagi, mereka itulah orang-orang yang lalai."*

Ketiga sifat Assubueyah, iaitu sifat buas, kejam dan tidak bertimbang rasa. Orang yang memiliki sifat ini sangat suka melihat orang lain menderita, dan ia sanggup berbuat apa sahaja untuk kepentingan dirinya sendiri.

Tidak syak lagi, ketiga-tiga sifat yang disebutkan tadi bukanlah sifat-sifat yang baik, bahkan sangat dikutuk oleh Allah dan juga akal kita yang waras. Tetapi sungguhpun demikian, masih ramai juga di antara manusia yang terjerat atau terperangkap mengamalkannya, kerana itulah dalam jangka pendek



Kawal hawa nafsu dari melakukan sebarang kejahatan

SESUNGGUHNYA hawa nafsu itu adalah sentiasa menyuruh melakukan kejahatan melainkan yang mendapat rahmat daripada Tuhan.

atau juga panjang, kita perlulah berusaha ingat-mengingat atau nasihat-menasihati supaya terus memelihara taraf kedudukan kita yang mulia dengan salah satu caranya ialah menjauhi ketiga-tiga sifat yang disebutkan tadi, sifat-sifat yang bukan sahaja membawa kerugian kepada pemiliknya tadi sendiri bahkan juga menjerumuskan masyarakat dan umat serta apa-apa jua yang kita sayangi.

Dalam memerangi dan membentasi sifat-sifat yang keji ini, manusia perlulah sentiasa sedar bahawa yang jahat itu ialah hawa nafsu. Kerana itu ia mesti dikawal dan dibatasi selalu. Dan hawa nafsu itu memanglah asal mula kejadiannya bersifat jahat. Bahkan Allah sendiri mengingatkan kita dengan firman-Nya yang kira-kira bermaksud: *"Sesungguhnya hawa nafsu itu adalah sentiasa menyuruh melakukan kejahatan melainkan yang mendapat rahmat daripada Tuhan."*

Kalaulah demikian hal keadaan hawa nafsu kita, maka sebagai manusia yang

beriman hendaklah kita sentiasa berusaha mengawal dan menghalang hawa nafsu kita itu dari membawa kita ke arah kejahatan. Dan sebagaimana yang kita maklum bahawa letaknya hawa nafsu kita ialah di hati kita. Kalaulah hawa nafsu yang jahat telah bersarang di hati kita, maka hati kita pun menjadi jahat dan kotor. Oleh itu ianya adalah perlu diberisihkan supaya kita tidak akan tunduk mengikut kehendak hawa nafsu kita. Dan salah satu cara untuk memberisihkan diri itu ialah sepertiimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam hadis Baginda yang bermaksud: *"Bahawasanya tiap-tiap sesuatu itu adalah alat yang menyucikannya, dan alat-alat bagi menyucikan hati itu ialah zikir Allah. Iaitu berzikir mengingati Allah."*

Oleh itu wahai kaum Muslimin, sebagai makhluk, yang telah diberikan kemuliaan kepada kita, maka hendaklah kita pelihara kemuliaan itu. Jangan sampai ianya dicabut menjadi lebih hina dan rendah daripada binatang-binatang ternakan.

PENGENALAN

TELAH sama-sama dimaklumi, belia merupakan golongan tenaga manusia yang berpotensi untuk melaksanakan berbagai projek, baik ianya memerlukan penggunaan mental, apatah lagi penggunaan dan kekuatan fizikal. Dari segi mental, kaum belia telah diketahui mempunyai daya fikiran yang kreatif dan konstruktif serta mempunyai kecerdasan dalam daya berfikir. Dari segi fizikal pula, kaum belia merupakan golongan manusia yang 'tahan ngalih' disebabkan kesempurnaan dan kekuatan tubuh badan yang sentiasa di dalam keadaan sihat. Pendeknya kaum belia mempunyai 'advantage' dari golongan orang-orang tua, iaitu kecerdasan fikiran dan kekuatan jasmani. Di sini jelas kepada kita bahawa golongan belia adalah golongan manusia, kelebihan utama kita berbanding dengan makhluk lain ialah kebebasan berfikir dan selebihnya ialah keupayaan untuk berkerja. Dalam kertas kerja ini belia bukanlah hanya ditunjukkan kepada persatuan-persatuan belia tetapi adalah juga kepada seluruh golongan masyarakat yang tergolong dalam golongan belia.

SEJARAH GERAKAN KERJASAMA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sejarah gerakan kerjasama di negara kita bermula dari usaha orang-orang kampung yang berusaha sama mendirikan kedai-kedai runcit atau 'kedai iktisad' di dalam tahun-tahun lima puluhan atau mungkin awal dari itu. Ketika itu banyak kedai iktisad yang didaftarkan di bawah Undang-Undang Polis (POLICE ACT) dan pendaftaran adalah di bawah Pendaftaran Persatuan. Perniagaan kedai iktisad sejak itu mula mendapat tempat di kalangan rakyat dan hasilnya muncullah beberapa buah syarikat yang menyerupai koperasi di seluruh tanahair ketika itu.

Disebabkan kurangnya pengetahuan orang-orang Melayu kita ketika itu di dalam bidang perniagaan apatah lagi di dalam perniagaan koperasi (Co-Operative Enterprise), maka nasib kedai-kedai iktisad yang tumbuh bak cendawan ketika itu tidak dapat hidup dan bertahan lama untuk berbakti kepada ahli-ahlinya. Di sebalik kegagalan dan kurangnya bantuan dan tunjuk ajar pihak-pihak yang berkenaan di dalam perniagaan berkoperasi, bilangan syarikat-syarikat yang pada ketika itu 100% terdiri dari kedai-kedai runcit tetap meningkat dari masa ke semasa. Namun begitu, bilangan syarikat-syarikat yang terpaksa menutup pintu perniagaan juga meningkat dari masa ke semasa. Pengalaman dan hasil dari pengkajian Jabatan Kemajuan Kerjasama setelah mengendalikan gerakan kerjasama selama 11 tahun (1975 - 1986) telah dapat mengenal pasti beberapa sebab tentang kemunduran dan kejatuhan syarikat-syarikat ala koperasi di masa lampau seperti berikut:

* Kurangnya pengetahuan dalam bidang perniagaan.

KERTAS kerja ini dibentangkan oleh Awang Ibrahim bin Haji Jalil, Pemangku Penolong Pesuruhjaya Koperasi Belia anjuran Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam (MBB) yang berlangsung di Dewan Muhibbah pada 26 Disember 1986.

- * Tidak tahu dan faham tentang prinsip-prinsip Koperasi.
- * Penjualan secara hutang tanpa penghadang dan kawalan.
- * Tidak ada kerjasama di kalangan ahli-ahli jawatankuasa.

Huraian :

KURANGNYA PENGETAHUAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN

Bidang perniagaan merupakan bidang yang baru kepada orang-orang katani ketika itu. Disebabkan kurangnya pengetahuan dan pengalaman di dalam bidang ini, kira-kira dan sistem berniaga yang betul tidak dapat diwujudkan. Ini tidak dapat tidak akan menjejaskan pentadbiran dan pengurusan syarikat.

TIDAK TAHU DAN FAHAM TENTANG PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

Satu keunikan orang-orang Brunei ialah sifat ingin mencuba bidang-bidang dan perkara-perkara yang baru, sekalipun mereka kurang faham tentang bidang-bidang dan perkara yang mereka ceburi itu.

Pepatah Inggeris mengatakan 'Little Knowledge is Dangerous' atau kurang pengetahuan adalah berbahaya. Atas kebenaran pepatah inilah menyebabkan kemunduran dan keruntuhan kedai-kedai iktisad kerana kedai-kedai iktisad ketika itu tidak dapat dijalankan mengikut prinsip-prinsip yang betul. Umpamanya menurut prinsip koperasi, pembahagian keuntungan yang hendak dibagikan kepada ahli adalah melalui dua cara. Pertama melalui sokongan atau belianannya kepada syarikat dan kedua adalah mengikut banyaknya saham (modal) ahli di dalam syarikat. Mengikut prinsip, ahli digalakkan membuat belian sebanyak yang mungkin, tetapi penanaman modal tidak diwajibkan sehingga 1/5 daripada keseluruhan modal. Penggalakkan ahli untuk banyak membeli ialah supaya membolehkan perjalanan syarikat tetap lancar

dengan mempunyai pelangan yang taat di kalangan ahli, manakala menghadkan saham adalah untuk mencegah ahli dari menjadi pemodal sahaja di dalam syarikatnya kerana gerakan koperasi tidak berorientasikan 'CAPITALIST'. Pentadbiran syarikat di masa lampau tidak memahami perkara ini dan pembahagian keuntungan hanyalah berdasarkan ke atas saham ahli-ahlinya.

PENJUALAN SECARA HUTANG TANPA HAD DAN KAWALAN

Jualan secara hutang terang-terangan telah menjaskan perjalanan aliran tunai (Cash Flow) syarikat. Sepertimana diketahui, setiap perniagaan perlukan pusingan wang tunai untuk membalikkan perniagaan itu menambah bilangan barangannya.

Jika wang syarikat yang dalam bentuk hutang tidak dapat dikawal dan dihadkan sehingga sampai ke tahap LAPOK (Ball Debts) maka lambat laun syarikat akan mengalami kesulitan untuk menambah barangan kerana ketiadaan wang dan sekali gus menjejaskan aliran tunai (Cash Flow) bermakna tidak ada barangan untuk dijual. Atas sebab inilah banyaknya syarikat-syarikat di masa lampau terpaksa ditutup.

TIDAK ADA KERJASAMA DI KALANGAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Oleh sebab kurangnya kefahaman di bidang koperasi, maka di kalangan ahli-ahli jawatankuasa tidak



SEBAHAGIAN daripada belia-belia yang menyertai Seminar Koperasi Belia yang telah berlangsung di Dewan Muhibbah baru-baru ini.

memupuk semangat berkerjasama di dalam aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan. Pentadbiran syarikat pada masa itu samalah seperti pentadbiran dan pengurusan syarikat biasa di mana mesyuarat jarang sekali diadakan dan keputusan untuk sesuatu tindakan tidak diamanahkan di mesyuarat agung.

CAMPURTANGAN PERSATUAN BELIA BRUNEI DALAM GERAKAN KOPERASI

Jabatan Kemajuan Kerjasama tidaklah mempunyai perangkaan tentang bilangan persatuan-persatuan belia yang menjalankan aktiviti-aktiviti iktisad pada masa-masa yang lampau. Walau bagaimanapun adalah diakui bahawa persatuan-persatuan belia yang ditubuhkan di kampung-kampung dan di kawasan-kawasan bandar telah menampakkan minat nya untuk melibatkan diri di dalam kegiatan ekonomi selain dari kegiatan kebudayaan, sosial dan kebudayaan. Salah satu dari kegiatan ekonomi persatuan-persatuan belia di masa lampau ialah penubuhan seksi ekonomi melalui aktiviti kedai runcit atau pada masa itu lebih dikenali dengan panggilan 'kedai iktisad'. Dengan penglibatan seperti ini bukan saja menunjukkan keinginan dan kesungguhan persatuan belia untuk maju di bidang ekonomi malah telah terbukti sebagai pendorong utama kepada orang-orang kampung untuk menubuhkan kedai-kedai syarikat atau kedai iktisad di kampung-kampung.

KESAN—KESAN PENGLIBATAN BELIA BRUNEI DALAM GERAKAN KOPERASI Sepertimana telah diterangkan, persatuan-persatuan belia di Brunei

turut memainkan peranan di dalam perkembangan sektor perkoperasian di negara kita. Sebagai kesan dan penglibatan persatuan-persatuan belia itu, Jabatan Kemajuan Kerjasama telah berjaya mendaftarkan lima buah persatuan belia menjadi sebahagian dari koperasi di negara kita yang mana kesemuanya berjumlah 70 buah. Walaupun bilangan persatuan-persatuan belia hanya lima buah dari 70 buah koperasi yang berdaftar satu kebanggaan kepada persatuan belia ialah bahawa dari keseluruhan koperasi yang didaftarkan sehingga kini oleh Jabatan Kemajuan Kerajaan, koperasi pertama yang didaftarkan ialah salah sebuah dari persatuan belia, iaitu Persatuan Belia Kampung Lumapas. Menjadi kebanggaan persatuan-persatuan belia selanjutnya, ialah bahawa di antara 70 buah koperasi di negara kita ini, Syarikat Kerjasama Melayu Kampong Keriam (PESAKA). Tutong adalah merupakan syarikat yang termaju dengan mencapai keuntungan yang tinggi, mempunyai tenaga pentadbiran dan pengurusan yang cekap dan amanah, mempunyai bangunan kekal sendiri dan telah berupaya mengendalikan 'Kursus Kerjajualan Koperasi' dengan kerjasama dan bantuan Jabatan Kemajuan Kerjasama.

PERANAN BELIA DALAM GERAKAN KOPERASI

Telah disentuh awal-awal lagi bahawa kaum belia adalah golongan manusia yang serba berkebolehan baik dari segi berfikir apatah lagi dari segi penggunaan tenaga. Jadi rasanya tidaklah keterlaluan jika saya katakan bahawa belia mempunyai peranan yang penting dan

agak istimewa di dalam usaha-usaha perkembangan sektor perkoperasian di negara kita. Kaum belia, diukur dari sudut usia memanglah masih diistilahkan sebagai 'golongan mental' atau golongan manusia yang baru merasa garam. Sebaliknya, kaum belia oleh sebab usia yang masih muda dan ditambah dengan semangat yang kuat dan kental, sentiasa melihat hidup ini sebagai satu medan yang luas dan sangat-sangat mencabar. Telah diketahui dan difahami bahawa darah muda tidak pernah tunduk kepada apa-apa rintangan di hadapan, jadinya kaum belia adalah sesuai untuk dijadikan pengembang sektor perkoperasian kerana sektor koperasi adalah bidang yang cukup mencabar dan terlalu banyak rintangan untuk kita memperolehi kejayaan.

Sektor perkoperasian merupakan sektor perniagaan yang penuh dengan duri dan ranjau. Begitu banyak ahli di dalamnya begitu juga banyaknya ragam, dan dari sekian banyaknya ragam maka begitulah juga banyaknya masalah yang meminita diselesaikan sebelum mencapai kejayaan. Bagi orang-orang yang tidak mempunyai semangat, memimpin sebuah koperasi bermakna mendedahkan diri kepada problem yang besar dan kemungkinan melibatkan nama baik orang-orang yang berkenaan. Oleh sebab itulah, mana-mana orang yang tidak sanggup berhadapan dengan masalah atau tidak mempunyai semangat pemimpin yang tulen akan cepat dan mudah menarik diri dari memimpin koperasi. Akibatnya ahli-ahli akan kehilangan pemimpin tempat mereka menaruh harapan. Untuk itu, sesuai dengan kehendak dan keperluan negara kita sekarang di mana negara perlukan pemimpin-pemimpin yang berjiwa waja dan bersemangat kebangsaan, kaum belia perlulah melatih diri menghadapi pelbagai masalah rakyat melalui sektor koperasi, mudah-mudahan jika ditakdirkan menjadi pemimpin tidak akan 'tempu-tipu' atau 'patah semangat' jika menghadapi masalah yang bakal ditimbulkan oleh orang ramai atau rakyat jelata.

Sektor koperasi selain dari menolong ahli-ahlinya juga membantu dan mem-



SAHAL seorang peserta, Awang Haji Hambali yang menyertai Seminar Koperasi Belia anjuran MBB sedang mengajukan pertanyaan.

Hari Ibu Indonesia disambut di sini

HARI Ibu Indonesia yang setiap tahun jatuh pada tarikh 22 Disember, selalu disambut oleh kaum wanita Indonesia yang bukan sahaja tinggal di dalam negeri, tetapi juga oleh ibu-ibu yang berada di luar negeri.

Bagi memperingati hari tersebut, masyarakat Indonesia di negara kita baru-baru ini telah mengadakan satu majlis sempena 'Hari Kaum Ibu Indonesia' yang ke-58, yang telah berlangsung di Kedutaan Indonesia, Jalan Muara.

Menurut sejarah, kaum ibu Indonesia turut mengambil peranan yang amat penting dalam perjuangan kemerdekaan dan pembangunan masyarakat dan Negara Indonesia. Ini termasuklah di bidang pendidikan dan kebudayaan bangsa Indonesia.

Di antara tokoh-tokoh perjuangan dan pahlawan yang mengabdikan diri dan berkorban untuk kepentingan bangsa dan negara Indonesia, khususnya di dalam memperjuangkan persamaan hak kemanusiaan ialah Raden Ajeng Kartini.

Beliau adalah dianggap sebagai pelopor liberalisasi kaum wanita Indonesia di abad ke-19. Beliau adalah yang memelopori perjuangan dan pembebasan kaum ibu bangsawan Jawa dari segala tekanan dan ketidakadilan pemerintahan pada masa itu, dan membawa kepada kaum wanita Indonesia kepada kehidupan yang lebih baik dan moden.

Isteri Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Boesna Z. Djamal telah mengalu-alukan para tetamu yang terdiri dari isteri-isteri Menteri-menteri



ISTERI-ISTERI Menteri-Menteri Kabinet dan isteri-isteri diplomat-diplomat asing ke Negara Brunei Darussalam serta Puan Boesna Z. Djamal (5 dari kiri) ketika menyaksikan persembahan pakaian tradisional yang dipersembahkan oleh kanak-kanak masyarakat Indonesia di sini.

Kabinet, isteri-isteri para diplomat asing ke negara ini, Pengiran-Pengiran dan isteri pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Di majlis itu, masyarakat Indonesia di sini, telah mempersembahkan beberapa acara menarik perihal kebudayaan masyarakat Indonesia. Di antaranya termasuklah MITONI, iaitu upacara mandi bagi ibu Indonesia yang mengandung anak pertama, semasa kandungan ibu tersebut tujuh bulan. Di samping itu mereka juga mempersembahkan pertunjukan pakaian-pakaian tradisional masyarakat Indonesia dan pakaian perkahwinan Minang. Kulintang salah sebuah muzik tradisional Indonesia juga dipersembahkan di upacara memperingati Hari Ibu Indonesia itu.

Wanita

Oleh: Zubaidah Haji Salat

Peranan daun sirih dalam masyarakat Melayu

JIKA memperkatakan tentang 'Daun Sirih', kita percaya memang ramai orang-orang kita Melayu mengetahuinya terutama bagi generasi-generasi tua. Bagaimana pula dengan generasi muda kita? Mungkin agak mustahil jika tidak mengetahui apa itu sirih.

Daun sirih yang berbentuk bujur jika ditanam memerlukan penyokong untuknya hidup menjalar, seperti batang-batang kayu atau kayu-kayu pancang yang disediakan oleh mereka yang menanamnya.

Selain dari itu, sirih juga mempunyai peranan yang agak penting dalam kehidupan dan kebudayaan kita. Seperti dalam adat istiadat perkahwinan dan perubatan tradisional kita orang-orang Melayu.

Orang-orang tua kita, jika tidak dihidangkan dengan sirih, kapur dan gambir di dalam satu-satu majlis atau ketika bertandang ke rumah jiran atau sanak saudara, tidak lengkaplah suasana majlis itu. Menurut mereka selain dari menghilangkan bau mulut, memakan sirih juga boleh membuat gigi tahan lebih lama.

Menurut mereka, daun sirih memang banyak khasiat untuk dijadikan ubat. Di antaranya ialah bagi merawat penyakit kembung perut yang kadang-kadang menyerang anak-anak damit. Walaupun penyakit kembung perut tidak membahayakan anak-anak damit tetapi sebagai seorang ibu, lebih-lebih lagi jika anak tersebut anak pertama, pasti merasa bimbang apabila mendengar tangisan anaknya yang diserang penyakit itu tidak berhenti-henti.

Dayang Hajjah Aminah binti Haji Damit yang berusia 64 tahun, ketika ditemui telah memberikan sedikit pengetahuan beliau bagaimana salah satu cara mengubati anak-anak damit yang diserang penyakit kembung perut.

Yang utamanya kita diperlukan menyediakan: Sedikit kemenyan, daun sirih kira-kira tiga atau empat helai, dan minyak angin.

Caranya ialah: ibu-ibu atau dayang-dayang hendaklah membakar sedikit arang di dalam bekas. Kemudian letakkan sedikit kemenyan di atas bara api tadi. Layurkan (salai) daun sirih di atas bara kemenyan tadi sehingga layu. Apabila agak layu atau warna daun sirih bertukar menjadi kelabu, sapukan sedikit minyak angin ke atas daun sirih.

Setelah itu barulah urutkan bahagian perut anak-anak damit dengan daun sirih yang suam-suam panas tadi perlahan-lahan. Mulakan dari atas perut menuju ke bawah. Selain dari itu ibu-ibu atau dayang-dayang boleh juga mengurutkannya di bahagian bahu dan belakang. Ulanglah beberapa kali sehingga daun tadi sudah menjadi sejuk, kemudian tukar dengan daun sirih yang baru.

Belia dalam gerakan koperasi

Dari muka 6

bimbing untuk melahirkan pemimpin yang "tahan lasak" yang mempunyai prinsip hidup "menggenggam api hingga menjadi bara" kerana seperti yang diterangkan awal-awal lagi di dalam koperasi bukanlah medan untuk bersuka ria atau bersenang-lenang, tetapi adalah satu medan yang penuh dengan masalah, persengketaan dan pertikaian. Hanya orang-orang yang tabah dan cekal dalam menghadapi masalah yang akan merasa nikmat di dalam koperasi, tetapi orang-orang yang sering mengamalkan prinsip "bulat datang bergolek, leper terbang melayang" adalah orang-orang yang akan merasakan bahawa tidaklah ada pahit selain dari kepahitan di dalam berkoperasi. Jadi belia hari ini, yang telah dimaklumi kebanyakannya telah insaf dan sadar akan tugas dan tanggungjawab masing-masing, berikrar dengan bernegara satu iaitu Negara Brunei Darussalam, berbangsa satu, iaitu Bangsa Melayu Brunei, beraja satu, iaitu Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, perlulah men-

dukong hasrat dan inspirasi negara yang inginkan kewujudan satu bangsa Melayu Islam Beraja.

Perlulah disedari oleh semua golongan belia bahawa masa depan bangsa, negara dan kedaulatan Raja kita terpitul di atas bahu setiap belia, dan cara untuk menegakkan bangsa dan negara serta mendaulat Raja kita tidak lain dan tidak bukan hanyalah dengan berbakti dengan sepenuh hati, tenaga dan kejujuran serta keikhlasan semata-mata kerana Allah dan bukan kerana lain-lain sebab demi untuk kepentingan diri sendiri. Sepertimana kaum belia telah sedia maklum negara kita baru saja melangkah ke kaki untuk masuk ke arena yang lebih sukar dan mencabar setelah mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan itu dengan gaya dan keolahan bangsa yang merdeka. Dalam mana-mana negara, bidang ekonomi tidak pernah diabaikan, malah tetap diutamakan serta diperkembangkan demi untuk kemandirian ekonomi negara. Oleh itu, bidang perkoperasian yang bertujuan untuk meningkatkan kegiatan serta penglibatan rakyat di dalam usaha pada memakmurkan

rakyat dan negara perlulah diambil perhatian yang berat oleh kaum belia semoga hasrat kita semua untuk melihat Negara Brunei Darussalam ini makmur dan kaya raya di sepanjang zaman akan tercapai.

LANGKAH-LANGKAH KE ARAH PENGLIBATAN BELIA DALAM KOPERASI

Telah dibincangkan mengenai peranan persatuan belia pada membantu dan menolong usaha-usaha bagi perkembangan di sektor perkoperasian di negara ini. Sepertimana telah diuraikan awal-awal lagi bahawa pengertian belia di dalam keratan kerja ini bukanlah hanya ditujukan kepada persatuan-persatuan belia tetapi adalah juga kepada seluruh rakyat dan penduduk yang di dalam lingkungan umur belia iaitu dari 16 - 35 tahun. Dalam konteks penglibatan belia di dalam perkembangan gerakan koperasi saya rasa tempat yang paling sesuai untuk melahirkan koperator-koperator ialah maktab-maktab dan sekolah-sekolah dan benih yang paling baik dan sesuai ialah penuntut-penuntut dan murid-murid sekolah kerana sesuai dengan

pepatah kita "melentur buluh biarlah sawaktu muda atau masih rebung". Ada juga pendapat mengatakan bahawa jika kita mengajar sesuatu di peringkat usia remaja samalah seperti menulis atau memahat di batu ia akan kekal buat selama-lamanya tetapi apabila kita mengajarkan sesuatu di peringkat usia yang telah lanjut, samalah dengan menulis di atas daun keladi, ia akan mudah gugur dan hilang dengan cepat.

Demikianlah perbezaan keupayaan penerima antara golongan muda dan tua. Oleh itu diharapkan kepada golongan belia supaya dapat mempergunakan masa muda untuk berbuat sesuatu yang berfaedah dan bermanfaat sebagai ianya akan membawa keberuntungan bukan hanya pada yang berjasa tetapi adalah juga untuk negara dan rakyat Brunei yang tercinta ini.

Selain itu lain-lain pertubuhan seperti Pengakap, Pandu Puteri, Palang Merah, Pertubuhan Wanita dan seumpamanya adalah juga bertanggungjawab pada membantu dan menolong memperkembangkan gerakan koperasi di negara ini. Sesuai dengan keanggotaan yang

ramai baik di persatuan-persatuan mahu pun di lain-lain pertubuhan yang telah saya sebutkan saya rasa penubuhan koperasi adalah begitu mudah dan cukup sesuai untuk dipraktik dan dilaksanakan.

ULASAN DAN PENUTUP

Kesimpulan dari apa yang telah dibincangkan ialah bahawa persatuan-persatuan belia telah diakui sebagai salah satu 'Agen Pengembang' gerakan koperasi di negara ini. Hasil dari usaha persatuan belia telah melahirkan salah sebuah koperasi yang boleh diakui sebagai koperasi yang dapat menepati nama dan maksud penubuhannya. Koperasi yang dimaksudkan ialah koperasi Persatuan Melayu Kampong Keriam, Tutong. Seperti yang telah disebutkan awal-awal lagi bahawa dari sebanyak 70 buah koperasi yang berdaftar di negara ini, lima buah darinya adalah terdiri dari koperasi persatuan belia. Memandangkan kepada kejayaan cemerlang salah sebuah dari koperasi yang lima itu, saya berpendapat bahawa persatuan-persatuan belia, jika benar-benar mahu dan berkeinginan untuk melibatkan diri di sektor

perkoperasian, kejayaan sudah pasti menunggu. Ini juga tidak terkecuali bagi lain-lain pertubuhan jika pertubuhan-pertubuhan itu mempunyai keinginan dan hasrat yang sama. Menubuhkan serta menjalankan perniagaan secara koperasi bukanlah satu usaha yang sukar dan menyulitkan kerana dengan adanya Jabatan Kemajuan Kerjasama, segala ilmu pengetahuan tentang perniagaan koperasi akan diajarkan melalui Bahagian Perkembangan dan Pendidikan. Penyeliaan dan Bimbingan juga akan dilaksanakan oleh jabatan ini melalui Bahagian Penyeliaan dan Bimbingan. Demikianlah seterusnya pengauditan dan pengawasan yang rapi ke atas kira-kira syarikat akan dijalankan dan dilaksanakan oleh Bahagian Akaun dan Audit. Akhirnya sukacita dinyatakan bahawa pada kaum belia tersisip dan tersimpan harapan untuk sama-sama memperjuangkan bukan saja kedaulatan bangsa dan Negara Brunei Darussalam tetapi juga agar dapat turut sama memperjuangkan nasib dan masa depan ekonomi bangsa dan negara kita sendiri melalui sektor koperasi.

Sambungan minggu lalu

* Keluarga-keluarga serba kekurangan. Mereka terdiri dari keluarga-keluarga yang mempunyai pendapatan lebih rendah dari apa yang diperlukan, seperti orang-orang cacat, tua, janda, anak-anak yatim atau pesara-pesara.

Pada umumnya, tendensi penabungannya boleh dikatakan negatif.

Institusi keluarga diakui oleh ahli-ahli ekonomi sebagai penting dalam berdiri dan memantapkan ekonomi Islam. Pelaksanaan, sebanar ekonomi Islam berhubung rapat dengan pelaksanaan aspirasi-aspirasi keluarga dan dengan pencapaian kesejahteraan. Pengkelakan institusi keluarga sebagai unit pengeluaran adalah satu hal yang amat perlu, kerana ia melibatkan agihan pemilikan punca-punca ekonomi.

INSTITUSI UMMAH

Ia adalah istilah sosiologi yang bermaksud sebagai sekumpulan manusia yang berinteraksi dalam satu kawasan dan mempunyai pertalian tertentu. Tiga motivasi dalam ekonomi Islam dari umat bukan pada keuntungan material, tetapi iman, kerjasama dan persaudaraan yang mana menjadi tenaga perpaduan sosial. Kepentingan keluarga dan ummah adalah satu dan saling membantu. Ummah menyediakan keadaan di mana keluarga dapat membuktikan matlamat sosial, ekonomi, politik dan agama.

INSTITUSI MASJID

Meskipun institusi masjid selama ini dikenali sebagai institusi agama, namun ia mempengaruhi individu, keluarga, dan ummah. Masjid simbol perpaduan dan keseragaman aspirasi ummah dalam semua bidang hidup, termasuk ekonomi. Dalam mengislamkan kegiatan ekonomi, sosial dan politik, masjid memainkan peranan penting.

INSTITUSI KERAJAAN

Institusi yang paling relevan dengan institusi-institusi ekonomi ialah institusi kerajaan. Ia merupakan satu institusi yang paling berkuasa bagi menunjukkan cita-cita menegak dan membangun ekonomi. Ia mampu menyediakan jaminan kebebasan, perlindungan dan keadilan bagi semua warganegara tanpa diskriminasi; ia juga mampu mengamalkan kuasa selagi tidak bertentangan dengan Syariat Islamiah; ia sanggup menggerakkan modal dengan efektif selagi orang ramai menyokongnya.

Instrument pokok sesebuah kerajaan ialah pentadbiran kerajaan. Pentadbiran ini boleh dibuat dalam tiga peringkat; awam, daerah, dan pusat. Kerana ekonomi Islam berlandaskan aqidah, institusi politik yang amat berkuasa itu hendaklah dikendalikan oleh individu-individu yang memahami syariah.

Tentang betapa pentingnya peranan modal dalam kehidupan manusia, Allah (s.w.t.) berfirman: Bermaksud: "Manusia dihiasi dengan kecintaan syahwat (nafsu) terhadap wanita-wanita, anak-anak, harta benda yang banyak dari emas, perak, kuda yang bagus, binatang-binatang ternak dan tanah-tanaman. Semua itu peruntukan hidup di dunia." Ali 'Imran (3):14.

Ahli-ahli tafsir memahami bahawa yang dimaksud dengan kalimat MATA ialah benda yang boleh digunakan bagi kehidupan manusia. Benda/bahan material ini dari segi nature, boleh bertambah dan berkembang, kualiti dan kuantiti kalau ada usaha manusia ke arahnya, penulis-penulis ekonomi Islam, memahami kalimat MATA sebagai rezeki (pengeluaran); oleh itu implikasinya adalah pada modal (capital) kerana ia dihubungkan dengan emas, perak, kuda dan binatang-binatang ternakan. Dan kalimat ZUYUINA buat mereka menunjukkan tentang betapa pentingnya peranan modal dalam kegiatan ekonomi.

Dalam perdagangan moden, modal ialah natijah dari tabung (saving) yang dilakukan oleh orang yang mempunyai pendapatan lebih besar dari perbelanjaan. Faktor utama penabungan ialah galakan supaya penabungnya sama ada menambah pendapatan melalui pengeluaran dari modalnya atau mengurangkan perbelanjaan pada perkara-perkara yang tidak perlu.

Jumlah modal yang boleh digunakan bagi pengeluaran bergantung sepenuhnya pada

jumlah tabungan. Oleh itu, penambahan jumlah modal buat sesebuah negara adalah perlu kerana:

- Orang ramai hendaklah sentiasa berusaha menambah pendapatan;
- Mereka hendaklah berjimat cermat dalam perbelanjaan;
- Keamanan dan keselamatan harus wujud dan berterusan untuk membolehkan orang ramai membuat kekayaan dan menikmatinya dengan sempurna.

KONSEP PELABURAN

Dari sudut pandangan pelabur atau pembekal modal, pelaburan ialah penglibatan (commitment) wang untuk kemasukan masa akan datang dalam bentuk dividen, sewa, dan lain-lain. Pelaburan boleh dilakukan dalam berbagai-bagai media, termasuklah di antara insurans, certificate, bond, real estat, dan lain-lain kegiatan pelaburan.

Pelaburan perkara penting dalam pembangunan ekonomi kerana ia merupakan satu wasilah yang boleh memperkuat punca-punca ekonomi, dan boleh mengembelung tenaga ke arah kehidupan yang baik. Ia dianggap oleh Islam sebagai usaha positif manusia dalam pemakmuran alam. Selain itu, pelaburan mempunyai hubungan rapat dengan bidang pengeluaran yang amat dituntut oleh Islam.

Islam menghendaki bahawa setiap modal terkumpul hendaklah dilaburkan supaya manfaatnya dapat dinikmati oleh pemiliknya dan orang ramai. Baginda Rasulullah (s.a.w.) sendiri telah menekankan hal ini dalam beberapa hadis. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah, Baginda bersabda yang bermaksud: "Allah mungkin tidak memberkati ke atas harta tanah dan rumah, kalau ia tidak laburkan semula."

Ajaran Islam mewajibkan manusia supaya menggunakan kemampuan akal dan modal untuk perbaikan kehidupan yang mana usaha-usaha memperbaiki kehidupan itu dianggap sebagai amal saleh. Sifat membena dan membangun haruslah ada pada individu umat Islam.

FAKTOR-FAKTOR NEGATIF

Untuk mengelakkan padah yang buruk dalam bidang kegiatan ekonomi, Islam mengemukakan beberapa faktor negatif yang harus dielakkan kerana ia bertentangan dengan konsep pelaburan. Faktor-faktor itu ialah:

- Riba;
- Pembaziran;
- Pembekuan modal.

RIBA

Dalam masalah riba, Islam tidak mengenal tolak ansur. Hukumnya tetap haram dan manusia wajib mengelakkan. Dari segi dosa, ia termasuk perkara besar (kabair) dan orang yang mengamalkannya dianggap bukan saja memusuhi manusia, bahkan Tuhan; dari segi sosial, ia bertentangan dengan keadilan; dari segi ekonomi, ia merupakan alat eksploitasi. Umar Chapra membuat konklusi: "Riba represents, in Islamic value system, a prominent source of unjustified advantage".

PEMBAZIRAN

Biar sekalipun pendapatan bertambah/tinggi, ia tidak menambah penabungan kalau pembaziran/keborosan berjalan terus. Gelagat individu dalam perbelanjaan perlu diawasi, kerana tabiat membazir dan boros memberi kesan negatif dalam pembangunan ekonomi. Dalam hal ini Allah (s.w.t.) telah mengingatkan dan mengutuk perbuatan yang tidak berakhlak itu. Firman-Nya yang bermaksud: "Makan dan minumlah, dan janganlah kamu boros, sesungguhnya (Allah) tidak menyukai golongan pemboros." — Al-A'raf (7):31.

Firman-Nya lagi yang bermaksud: "Sesungguhnya golongan pembazir sahabat bagi para syaitan; dan syaitan telah kafir terhadap Tuhan." — Al-Isra (17):27.

Sistem pelaburan dalam Islam

PEMBEKUAN MODAL

Satu lagi faktor negatif dalam pertumbuhan ekonomi ialah pembekuan/sorokan modal. Tujuan asas modal untuk memperkaya tidak tercapai kalau modal-dibekukan dan disorokkan dari berfungsi; pembekuan ini mengurangkan jumlah modal-modal yang bergerak untuk pelaburan dalam perdagangan, pertanian dan perindustrian. Natijah buruknya ialah kemiskinan dan kemunduran akan berterusan. Perbuatan ini telah dikutuk oleh Allah (s.w.t.) dalam firman-Nya yang bermaksud: "Orang-orang yang menyorokkan emas dan perak dan tiada membelanjakannya ke jalan Allah, hendaklah beri peringatan dengan seksa yang pedih." — Al-Taubah (9):34.

Pembangunan ekonomi banyak bergantung pada modal. Pembekuan modal oleh orang-orang yang tertentu akan menjejaskan pembangunan harta; dan ekoran dari itu akan melemahkan kedudukan ummah. Modal yang tidak produktif tidak memberi sebarang makna bagi pemiliknya. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Quran: firman-Nya yang bermaksud: "Celakalah setiap pengumpul dan pencela; yang mengumpulkan harta benda dan menghitung-hitungnya; ia menyangka bahawa hartanya itu akan mengekalkannya." — Al-Humazah (104):1-3.

BENTUK-BENTUK MEDIA PELABURAN

Syariat Islamiah adalah lengkap buat memandu kegiatan hidup manusia dalam semua bidang. Para ulama (khasnya fuqahak) telah bertungkus lumus menafsirkan Syariat Islam dalam bentuk peraturan dan gagasan yang luas, yang boleh diamalkan oleh manusia. Apa yang dihasilkan oleh para fuqahak adalah natijah (synthesis) pengamatan dan tafsiran mereka dari Al-Quran dan al-Sunnah Nabawiyah. Pembahasan yang dilakukan oleh mereka terkumpul dalam kitab-kitab fiqh yang begitu banyak.

Dalam kitab-kitab fiqh, para fuqahak telah membuat beberapa gagasan tentang bentuk-bentuk media pelaburan yang sesuai dan selari dengan semangat Syariat Islamiah. Pada asasnya, gagasan-gagasan itu dibuat paling kurang untuk dua tujuan:

- Mengelakkan dari unsur-unsur riba dan tipu helah;
- Untuk menegakkan keadilan dan memperluas kerjasama.

Berdasarkan dua tujuan itulah mereka membuat peraturan-peraturan begitu terperinci dan meletakkan syarat-syarat yang begitu konkrit.

Bentuk-bentuk media pelaburan yang dikemukakan mereka ialah:—

- * mudarabah;
- * musyarakah;
- * murabahah;
- * ijarah;
- * salam;
- * bai' bith-thaman ajil.

Sebilangan besar dari bentuk-bentuk media pelaburan tersebut sudah menjadi amalan bank-bank Islam seluruh dunia; dan hasilnya selama ini amat menggalakkan; meskipun cabaran yang berupa risiko dan saingan tetap wujud. Para cendekiawan Islam, golongan intelek dan ulama, bergandeng bahu membuat kajian baru untuk memperluas dan mempelbagai media-media pelaburan itu.

MUDARABAH

Tujuan pokok sistem mudarabah ialah bersama-sama memakmurkan alam. Melalui sistem ini, dua golongan manusia dapat bertemu untuk tujuan yang sama: golongan pemilik modal bergabung dengan golongan pengusaha (entrepreneur) untuk menghasilkan sesuatu yang manfaatnya akan dinikmati oleh kedua pihak dan masyarakat dengan adil.

Sebenarnya dalam Syariat Islamiah tidak terdapat nas yang melarang individu dari

melaburkan modal secara berkongsi dalam kegiatan-kegiatan perdagangan, atau individu membekalkan modal kepada pengusaha sebagai peserta yang aktif untuk tujuan yang sama.

Dalam zaman moden, organisasi perindustrian dan pembangunan memerlukan modal-modal yang besar, yang sukar seseorang menyediakan. Oleh itu, adalah amat praktikal kalau golongan pelabur bekerjasama dengan golongan pengurus/pengusaha industri untuk menyalurkan sesuatu projek.

Kontrak mudarabah ialah perjanjian antara pemilik modal dengan pengusaha yang mana pemilik modal bersetuju membiayai sesuatu projek perniagaan sepenuhnya, dan pengusaha bersetuju mengusahakannya. Keuntungan yang diperolehi dari perniagaan dibahagi kepada kedua belah pihak berdasarkan nisbah yang dipersetujui dalam perjanjian, misalnya, 50:50, 40:60 atau 30:70.

Juga di bawah mudarabah, pemilik modal dan pengusaha boleh berkompromi, misalnya pembekal modal terdiri lebih dari satu orang dan pengusaha begitu juga; ataupun modal disediakan oleh seorang, perniagaan dilakukan oleh sebilangan orang.

Kalau berlaku kerugian, ia ditanggung oleh pemilik modal, kecuali jika kerugian itu berlaku disebabkan oleh kecuaiian, penyalahgunaan dan penyalahgunaan pengusaha.

MUSYARAKAH

Musyarakah ialah perkongsian modal dan usaha. Setiap individu yang menyertai musyarakah dikehendaki menyediakan modal; ia tak perlu sama banyak; dan setiap peserta pula dikehendaki melakukan usaha bersama ke atas sesuatu projek perdagangan. Setiap peserta bersetuju menghadapi untung-rugi.

Modal yang disumbangkan tidak semestinya berupa wang; tetapi harta benda yang bernilai atau yang boleh dinilai dengan wang boleh dijadikan modal sumbangan. Semua modal yang dikumpulkan dari para penyumbang hendaklah disatukan sehingga ia menjadi modal bersama untuk projek-projek yang dipersetujui.

Dari segi teorinya, semua penyumbang modal berhak memberi khidmat pengurusan tetapi, adalah tidak salah dari segi syarak bahawa pengurusan projek sebaik-baiknya dikendalikan oleh penyumbang-penyumbang modal yang berpengalaman, ataupun oleh pengurus-pengurus profesional yang dilantik oleh penyumbang-penyumbang modal.

Keuntungan yang diperolehi dari projek itu, hendaklah dibahagikan kepada penyumbang-penyumbang modal setelah ditolak kos pengurusan dan mengikut sebagaimana yang dipersetujui dalam surat perjanjian yang ditandatangani sebelumnya.

Kalau berlaku apa-apa kerugian dari projek berkenaan, hendaklah ditanggung bersama oleh pemilik-pemilik modal mengikut nisbah sumbangan masing-masing.

Musyarakah lebih terkenal dalam kitab-kitab fiqh sebagai SYARIKAT-UL-‘IN-AN. Perbezaan asas Syarikat-ul-‘Inan dengan mudarabah adalah bahawa mudarabah dibiayai oleh pemodal dan kerja-kerja projek dilakukan oleh orang lain; sedangkan musyarakah atau syarikat-ul-‘Inan kerja-kerja projek dilakukan oleh penyumbang-penyumbang modal itu sendiri.

MURABAHAH

Ia satu cara jual beli berdasarkan rundingan awal antara penjual dan pembeli dengan tidak mengambil tahu harga awal barang yang dijual. Jualan ini disebut "Jualan Dengan Tambahan Untung" (mark-up). Penentuan harga ditetapkan oleh pemilik barang.

Pelaburan dalam bentuk murabahah merupakan jangka pendek. Pada amalan, bank membeli barang-barang yang hendak dibeli oleh pelanggan-pelanggan, kemudian dijual barang-barang itu kepada pelanggan dengan harga yang lebih tinggi dari harga pembelian (rate of profit). Sistem murabahah amat popular di kalangan bank-bank Islam.

(Bersambung)

SENARAI PEMOHON-PEMOHON YANG TELAH BERJAYA SKIM PENGURNIAAN TANAH KEPADA RAKYAT JATI

SERAMAI 61 orang pemohon telah terpilih bagi pemilihan peringkat ketujuh iaitu bagi kawasan Daerah Brunei-Muara, kawasan Mumong Belait, kawasan Lorong Tiga Selatan Seria dan kawasan Telisai Tutong.

Sementara itu seramai 99 orang pemohon telah diperkenankan mengikuti skim ini bagi peringkat kelapan.

Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan kepada pemohon yang telah berjaya melalui skim ini yang belum mengambil dan mengembalikan borang pelan rumah ke Pejabat Tanah, Lapangan Terbang Lama Berakas tidak lewat dari 19 Februari, 1987. Di samping itu juga pemohon-pemohon peringkat ketujuh dan kelapan hendaklah mengambil borang pelan rumah di tempat yang sama.

Senarai 'A' Pemohon-pemohon untuk Kawasan Brunei-Muara yang disokong (Pemilihan Ketujuh)

NAMA PEMOHON	BIL. K/P & WARNA
Kahar bin Abdul Rahman	030317 K
Hj Abd Rahman bin Nasir	019075 K
Samail bin Haji Sisa	A 1453 K
Matassan bin Halus	A 1208 K
Metassan bin Haji Karim	017429 K
Hamidon bin Nudin	A 1050 K
Haji Adi bin Duraman	023857 K
Damit bin Mohammed	018034 K
Mohamad Ali bin Kadir	046695 K

Senarai 'B' Pemohon-pemohon Kawasan Mumong Belait yang disokong (Pemilihan Ketujuh)

NAMA PEMOHON	BIL. K/P & WARNA
Mahari bin Lasang	029117 K
Abdullah bin Yussof	046680 K
Rasid bin Bidin	049526 K
Tinggai bin Mohamad Ali	029995 K
Metussin bin Haji Mohammad @ Haji Ahmad	002135 K
Hussien bin Sidek	002737 K
Saidon bin Mulok	047977 K
Ramli bin Ahmad	000903 K
Pg Abd Rahman bin Pg Besar	005264 K
Ak Abd Razak bin P Alli Omar	028471 K
Md Yusuf bin Zaidin	019040 K
Anuar bin Abdullah	038999 K
Mohamed Zen bin Omar	023243 K
Md Yusuf bin Haji Tengah	015579 K
Zaini bin Haji Md Hussain	002053 K
Jumat bin Jais	002692 K
Maidin bin Abdul Hamid	009218 K
Md Junit bin Md Tajin	034950 K
Sigang bin Sara	001105 K
Hanapi bin Bakri	029700 K
Bujang bin Haji Ahmat @ Haji Ahmad	028708 K
Mohammad bin Apong	027442 K
Omar bin Haji Munaf	028228 K
Semith bin Haji Sabli	011958 K
Jumat bin Haji Kadir	012285 K
Abdul Latip bin Puteh	020953 K
Ansanawi bin Haji Abd Razak	026086 K
Razali bin Awg Piut	002603 K
Ibrahim bin Duraman	001574 K
Peterop bin Ekas	021358 K
Jumaat bin Latif	000811 K

Senarai 'C' Pemohon-pemohon untuk Kawasan Lorong Tiga Selatan Seria yang disokong (Pemilihan Ketujuh)

NAMA PEMOHON	BIL. K/P & WARNA
Normah bte Maidin	012002 K
Narawi bin Randah	011641 K
Norni bin Abd Rahman	029463 K

Mohd Ali bin Abdullah	040179 K
Osman bin Omar	040236 K
Mohamed bin Haji Ahmed	039296 K
Abd Rahim bin Haji Ahmad	040156 K
Awang Magani bin Apong	029717 K
Mohd Yussuf bin Momin	005842 K
Abdul Rahman bin Pakar	011480 K
Tungal bin Abdullah	042173 K
Tamin bin Timbang	002731 K
Suntong bin Said	028393 K
Junit bin Ahmad	002258 K
Pg Ali bin Pg Tuah	038229 K
Emran bin Hj Mohamed Noor	029458 K
Nordin bin Awang Tengah	029250 K
Mohamad bin Kachi	038809 K

Senarai 'D' Pemohon-pemohon untuk Kawasan Telisai Tutong yang disokong (Pemilihan Ketujuh)

NAMA PEMOHON	BIL. K/P & WARNA
Sharil bin Taha	013892 K
Idris bin Labang	025820 K
Salleh bin Maidin	P 945 K

Senarai 'A' Pemohon-pemohon dari Daerah Brunei-Muara yang disokong (Pemilihan Kelapan)

NAMA PEMOHON	BIL. K/P & WARNA
Haji Timbang bin Tarsil	001984 K
Pg Sarudin bin Pg Besar	023408 K
Bungsu bin Metasan	015358 K
Abdul Rahman bin Tarang	019970 K
Rajap bin Dagang @ Rajab	023140 K
Mohd Noor bin Haji Mat Yassin @ Mat Noor	018256 K
Awg Haji Mohammad bin Awang Kadir	012797 K
Pg Haji Ismail bin Pg Hitam	026781 K
Sulaiman bin Serail	067037 K
Saban bin Asar	018968 K
Mohammad Noor bin Haji Metussin	023102 K
Awg Nasir bin Ahmad	056535 K
Haji Zainal bin Karim	003967 K
Dy Damit binte Awang Bulat	014105 K
Haji Kadar bin Hj Mohammad	017434 K
Tiah bte Musin	036408 K
Saadiah bte Mansor	037764 K
Dy Tuah bte Ibrahim	006088 K
Sabtu bin Tengah	038011 K
Simran bin Sabtu	050606 K
Haji Hussin bin Hj Serudin	122947 K
Hj Mat Salleh bin Hj Duraman	026037 K
Besar bin Jarut	011185 K
Dy Halimah bte Metali	017397 K
Osli bin Lahir	017506 K
Kassim bin Hassan	A 2756 A
Haji Ismail bin Apong	004131 K
Suhaili bin Ahmad	036641 K
Pg Anak Ismail bin Pg Jaya	
Indera Pg Anak Besar	013044 K
Ali bin Haji Umar	011311 K
Haji Kalong bin Besar	009697 K

Pg Hidup bin Pg Haji Ahmad	030006 K	Emran bin Jamaludin/Jamaluddin	032753 K
Dy Maran bte Daud	018506 K	Pg Sabtu bin Pg Md Daud	000641 K
Awang Amat bin Bakar	009993 K	Adam bin Haji Tamit	045287 K
Mohd Daud bin Matassan	032445 K	Pg Bakar bin Pg Tajudin	026867 K
Hj Ramli bin Hj Kahar	119772 K	Sulaiman bin Timbang	A 2411 A
Angkis bin Haji Safar	032112 K	Idris bin Asmat @ Asmad	031664 K
Matusoff bin Matusin	034445 K	Pg Daud bin Pg Haji Moksin	A 1335 A
Malik bin Osman	018666 K	Pg Salat bin Pg Ibrahim	P 1835 P
Haji Tasim bin Metali	022264 K	Jumat bin Nasir	P 1843 P
Mohammad bin Samat @ Luddin	036528 K	Ahmad bin Hitam	002255 K
Hj Ahmad bin Hj Mohammad	010018 K	Awang Akub bin Haji Said @ Yusri bin Mohd Said	037333 K
Haji Mansor bin Abu Bakar	033536 K	Pg Shamsuddin bin Pg Hj Damit	021075 K
Omar bin Mail	015501 K	Awang Tengah bin Abd Rahman	058463 K
Yahya bin Haji Burut	051218 K	Pg Shamsuddin bin Pg Damit	002546 K
Haji Tarip bin Tersat	038026 K	Mohammad bin Haji Zainal	043164 K
Pg Othman bin Pg Damit	009623 K	Ahmad bin Nayan	015745 K
Mohammad Salleh bin Aliakbar	031000 K	Abd Karim bin Haji Kassim	022320 K
Awg Tuah bin Md Sidek	017202 K	Mahmud bin Ajak @ Rajak	004004 K
Othman bin Merali	008027 K	Haji Mohd Yussof bin Mohd Sa'leh	010204 K
Pg Ahmad bin Pg Sarpudin	061778 K	Abd Rahman bin Mohamad	006566 K
Awg Muhiddin bin Narak	041904 K	Muda bin Mumin/Momin	027067 K
Chuchu bin Haji Samat	008805 K	Durhaman @ Abd Rahman bin Mat Yassin	005256 K
Sofri bin Hassan	018400 K	Abu Bakar bin Hj Abd Hamid	P00610 P
Ramle bin Yaris	047331 K	Pungut bin Ahmad @ Untong	P00843 P
Pg Matali bin Pg Hitam	049699 K	Saban bin Bandun	P01079 P
Hj Abd Rahman bin Israil	037029 K	Pg Patimah @ Pg Jalilah bte Pg Haji Damit	007503 K
Masri bin Omar	009895 K		
Hj Suhaili bin Abdullah	076862 K		
Dy Puasa binte Haji Wahab	010418 K		
Hjh Aminah bte Ibrahim @ Rosnah	033128 K		
Pg Raimah bte Pg Besar	022267 K		
(Jaffry bin Awg Md Salleh)	116809 K		
Jahari bin Buntar @ Johari	038224 K		
Salleh bin Karim	019676 K		
Haji Naim bin Ibrahim	118256 K		
Haji Mohammad bin Mumin	036821 K		
Osman bin Haji Yassin	034719 K		
Awang bin Timbang	030719 K		
Awg Taha bin Ibrahim	A 1958 K		
Mahari bin Jambul	A 1696 K		

Senarai 'B' Pemohon-pemohon untuk Kawasan Telisai Tutong yang disokong (Pemilihan Kelapan)

NAMA PEMOHON	BIL. K/P & WARNA
Hassan bin Haji Osman	028309 K
Johar bin Tarip/Tarif	006270 K
Yus bin Etan	025921 K

Senarai Pemohon-pemohon yang belum mengambil dan mengembalikan borang pelan rumah

Mat Salleh bin Sukor	019600	Ramli bin Johari	A01402
Haji Jahari @ Johari bin Abu Bakar	037730	Awang Tajudin bin Chuchu	002598
Mohd Salleh bin Md Noor	034530	Minor bin Nagah	035520
Awg Damit bin Haji Aji	014624	Sable bin Karim	048908
Ahmad bin Awang Daud	027473	Siew bin Akon	A 0698
Pg Tejudin bin Pg Bakar	017261	Abdul Halim bin Mohd Noor	027719
Untong bin Yusof	008921	Awang Besar bin Mahali	021861
Awg Husain bin Awang Ahmad @ Hursin bin Ahmad	028615	Othman bin Ali	021843
Salim bin Othman	028192	Omar bin Tasim	009531
Merikan bin Abun @ Yunos bin Abdullah	028173	Ismail bin Ibrahim	120921
Tahir bin Haji Jumat	018036	Burub bin Aunton	009549
Metali bin Jumat	007094	Mohamad Said bin Haji Ahmad	010466
Kamis bin Belangan	040827	Ali Hassan bin Haji Bakri	036104
Miramit bin Munap	008718	Ahmad bin Idris	121691
Haji Md Noor @ Mat Noor @ Mohd Noor bin Ahmad Sah	030693	Bakir bin Malim	016168
Abdul Rahman bin Haji Damit/Awang Haji Damit	037859	Ali bin Haji Hashim	P00479
Maidin bin Sulaiman	025813	Ahmad bin Japar	025355
Seripah binte Haji Ahmad	010469	Luang bin Simpol	A00686
Pg Sabli bin Pg Duraman	039254	Marikan bin Malim	016059
Mohammad bin Omar	026381	Nekman bin Idris	017063
Jumat bin Ali	A00601	Yayu bin Angin	A01104
Awang Aliakbar bin Muhamad	026003	Kabin bin Ujit	A00844
Hj Mokti bin Haji Lakim	027924	Matusin bin Haji Metali	008770
Haji Ahmad bin Haji Ahad	022511	Selaman bin Rahman	P01828
Sidek bin Sawal	036713	Marah bin Angin	038678
Awang Ali bin Haji Angas	024327	Ishak bin Tamin	A01686
Haji Takong bin Salleh	015783	Mohd Zain bin Haji Tahir	012360
Haji Jamal bin Serudin	042721	Ajamain bin Haji Marsal	025361
Awang Asli bin Haji Ahmad	037468	Awang Anik bin Hj Ahad	A00774
Awang Zahri bin Tengah	030337	Baha bin Enak	018131
Dayang Minah binte Buntar	003977	Suan bin Salleh	A02386
Haji Mohd Jaafar bin Haji Buntar	015599	Bujang bin Haji Japar	021352
Haji Mohammad bin Sidek	040865	Dullah bin Md Taib	025736
Mohidin bin Haji Besi	016952	Haji Amit bin Matnor	011484
Awang Tudin bin Duraman	010493	Pg Ahmad bin Pg Haji Yusof	029951
Pg Duraman bin Pg Haji Bakar	124279	Mohammad Husney bin Abdullah	005977
Awang Kadir bin Arsat	009693	Sulong bin Nangkay	036166
Awang Aman bin Mat Daud	008451	Mohd Yassin bin Donglah	011524
Timbang bin Tengah	023080	Merali @ Marali bin Yahya	025020
Abdul Hamid bin Mohd Yussof @ Yussof	023406	Awang Besar bin OKPI Haji Layah	P00382
Yacub @ Yaakub bin Tarsat	033097	Munah bin Lupa	038976
Hj Md Yusof bin A. Rahman	009141	A. Hassan bin Samad	034849
Mohammad bin Lakim	017666	Taim bin Upok @ Taain bin Yupok	021995
Yusof bin Metali	027488	Ahmad bin Osman	040936
Gani bin Haji Daud @ Abdul Ghani bin Hj Md Daud	114058	Abd Latif bin Ibrahim	042419
Haji Abdullah @ Hidup bin Haji Ali Husain	008999	Deli bin Zakaria	005002
Pg Ahmad bin Pg Md Salleh	026843	Pg Yunos bin Pg Abas	062797
Awang Jamaludin bin Sapor	A01372	Lamat bin Wahab	018304
Awang Bakir bin Haji Chuchu	027062	Ibrahim bin Jaya	005797
Dy Damit binte A. Adi	008610	Juna bin Bundan	021157
Jamaliah binte Timbang	018545	Zainidi bin Nurudin	029638
Mohd Salleh bin Duraman	018674	Lia bin Munchong	029958
Abu @ Timbang bin Mangsor/Mansor	120515	Nayan bin Abas	024397
Haji Dollah bin Chuchu	022583	Jailani bin Mohd Noor	012388
Mat Zain bin Tuah	022266	Zunaidin bin Abu Hanafiah	002726
Awg Kasim bin Haji Yassin	014199	Abdullah bin Hussein	020749
Mohd Johari bin Tahir	070529	Pg Ali bin Pg DSLJ Haji Abas	028648
Yahya bin Haji Jumat	022520	Md Yusof bin Sanudin	P00427
Haji Besar bin Bungsu @ Hj Daud	015265	Awang Mili bin Damit	011896
Pg Serudin bin Pg Matasan	P00096	Mahari bin Haji Mokti	021055
Abdul Mohin bin Haji Ismail	000679	Haji Hassan bin Bakar	002761
Kamis bin Samat	022544	Mohammad Ghani bin Osman	000946
Johari bin Mudin	034178	Abdul Razak bin Haris	011867
		Yahya bin Matali	037729
		Buang bin Taha	002475
		Ramli @ Mohd Ramlee bin Hj Seri	017891
		Mohd Sa'imi bin Abdullah @ Yap bin Uytot	029874
		Nawi bin Sabli	011957
		Ahmad bin Mohammad	028195
		Bujang bin Taha	002615

Pemohon telah diperkenankan menerima Skim Pengurniaan Tanah Kepada Rakyat Jati

NAMA	BIL. K/P	KAWASAN
Md Sani bin Ahmad	005448	Mumong
Sanif bin Ladi	029321	Mumong
A. Asmat bin Melikin	044213	Mumong
Haji Ahmad bin Hassan	020429	Mumong
Abdul Rahman bin Baharudin	005218	Mumong
Salleh bin Ladin	005984	Mumong
Mosri bin Haji Muli	011993	Mumong
Buang bin Taha	002475	Mumong
Yunos bin Haji Ariff	002197	Mumong
Haji Jainuddin bin Bungsu	021893	Mumong
Abdul Latif bin Ibrahim	042419	Lorong Tiga Selatan
Manaf bin Janai @ Manap bin Janai	028508	Lorong Tiga Selatan
Pg Ali bin Pg Jaafar	000936	Lorong Tiga Selatan
Adi bin Diok @ Hashim bin Diok	005810	Lorong Tiga Selatan
Haji Sidop bin Pell	011932	Lorong Tiga Selatan
Haji Zolkeflee bin Abdullah @ Numba bin Elai @ Limba bin Elai	005787	Lorong Tiga Selatan
Abdul Latif bin Abdullah @ Tarapan bin Adis	P 502	Lorong Tiga Selatan
Madin bin Hidop	020265	Lorong Tiga Selatan
Jais bin Nawang	121355	Lorong Tiga Selatan
Ibrahim bin Haji Daud	029565	Lorong Tiga Selatan
Zolkeffi bin Duranoh @ Bujang bin Duranoh	005050	Lorong Tiga Selatan
Md Suni bin Mat Dikir @ Md Suni bin Zikir	016759	Lorong Tiga Selatan
Mohd Said bin Haji Jalud	005311	Lorong Tiga Selatan
Norsiah bte Shapie	012252	Mumong
Zulaifie bin Haji Mohd Taha	005380	Lorong Tiga Selatan

Pemohon telah ditemuduga tetapi dalam pertimbangan Jawatankuasa Skim Pengurniaan Tanah Kepada Rakyat Jati

NAMA	BIL. K/P
Bakar bin Tawar	029632

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

Radio Pendukung Kedaulatan Bahasa Melayu

DENGAN kalimat awal 'Inilah Radio Brunei.....' yang disebutkan dengan fasihnya di dalam bahasa Melayu, para pendengar di negara ini yang terdiri daripada sebilangan besar masyarakat Melayu, begitu berasa megah dan bangga menghayatinya. Peristiwa bersejarah ini berlaku pada 2 Mei, 1957, apabila suara Radio Brunei mula berkumandang di angkasa negara ini ketika itu.

Tujuan asas penubuhan perkhidmatan kecil siaran radio yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri Brunei pada tahun 1956 itu sebenarnya ialah untuk membuat jalinan yang serapat-ramunya antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan rakyat di negara ini, menerusi maklumat-maklumat kerajaan, hiburan-hiburan dan juga lain-lain rancangan yang sesuai. Namun begitu, secara tidak langsung Radio Brunei juga telah menonjolkan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa 'Kommunikasi Massa'.

Sebelum bahasa Melayu didaulatkan sebagai 'Bahasa Rasmi' di Negara Brunei Darussalam ini pada 29 September, 1959, sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan 1959 Bab 82 (1) (a), Radio Brunei telah pun berusaha awal di dalam mengemangluaskan penggunaan bahasa Melayu dengan caranya tersendiri.

Perkhidmatan Radio Brunei bukan hanya melaksanakan tanggungjawabnya sebagai media kerajaan. Tetapi, Radio Brunei juga telah meletakkan dirinya sebagai media elektronik yang berperanan sebagai pendidik bahasa Melayu, dan juga memperkayakan ha-

sil-hasil seni sastra kreatif di negara ini.

Perkhidmatan Radio Brunei bahagian Tiong Hwa telah lama berusaha mengendalikan rancangan 'Belajar Bahasa Kebangsaan' di radio. Rancangan tersebut masih lagi diteruskan hingga ke hari ini. Menerusi rancangan ini para pendengar yang terdiri daripada golongan masyarakat Tiong Hwa di negara ini, secara tidak langsung dapat mempelajari bahasa Melayu sedikit demi sedikit.

Di dalam bidang seni sastra kreatif Radio Brunei telah lama mengendalikannya. Sebelum tertubuhnya Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei pada tahun 1960, Radio Brunei merupakan media kerajaan yang awal 'mengasuh' para penulis tanahair. Menerusi rancangan cerpen, sandiwara radio, ulasan cerpen, Bahasa dan Kesusasteraan dan juga ruangan sajak di udara, Radio Brunei tidak dapat diperkecil-kecilkan perannya di dalam menaikkan 'darjat' kesusasteraan Melayu di negara ini.

Hari ini, tugas dan peranan Perkhidmatan Radio Brunei di dalam mendukung kedaulatan bahasa Melayu semakin mencabar. Bahasa Melayu yang merupakan bahasa penting di negara-negara ASEAN telah banyak dilibatkan di berbagai lapangan aktiviti budaya, sastra dan sebagainya. Justeru itu, para penulis tanahair, tokoh-tokoh bahasa, dan para pencinta bahasa Melayu adalah kami jemput untuk menyumbangkan apa-apa sahaja bentuk penulisan yang bermutu sebagai bahan-bahan pengetahuan yang berguna kepada para pendengar radio.



Tetamu Radio

DUA orang penari dari Malaysia menjadi tetamu kita minggu ini. Jemputlah mengikuti temubual kami bersama Farah Dato Sulaiman dan Fatimah Zainal Abidin pada hari Ahad 1 Februari jam 4.30 petang.



Rancangan Nada Pedoman

DI SEBALIK rancangan-rancangan yang radio terbitkan, terselit hasrat dan cita-cita radio untuk menyumbangkan keseimbangan antara mat-

mat hidup di dunia dan di akhirat. Di samping penyebaran dakwah Islamiah di pikul oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei

Darussalam, Radio juga tidak ketinggalan dalam sama-sama mendukung melaksanakan tugas-tugas yang berkebalikan ini. Banyak rancangan-rancangan bercorak keagamaan dan keislaman diterbitkan. Salah satu daripadanya ialah Nada Pedoman. Rancangan ini antara lain memuatkan lagu berunsur dan bertema dakwah semata-mata.

Dan pada keluaran minggu ini, rancangan akan diisikan oleh Kumpulan Nasyid Jabatan Perhutanan Sungai Liang, Belait. Rancangan ini akan ke udara pada hari Jumaat 30 Januari jam 12.00 tengah hari dan akan diulang siarannya pada hari Khamis 5 Februari jam 2.30 petang. Rancangan ini diterbitkan oleh Hasnan Suhaili. (gambar atas).

Peraduan Mencipta Lagu-Lagu Popular

RADIO Televisyen Brunei akan menganjurkan Peraduan Mencipta Lagu-Lagu Popular 1987 yang dibukakan kepada pengubah-pengubah, pencipta-pencipta lagu tanahair yang terdiri dari warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Setiap ciptaan yang dihandaklah original, ber tempo moden dan rancak, tidak bertentangan dengan tatasusila kebruneian dan setiap ciptaan hendaklah berunsur kemasyarakatan.

Keiterangan lanjut dan borang penyertaan boleh didapati dari Bahagian Hiburan IV, Tingkat 3, Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup menghantar borang ialah tidak lewat pada 30 Mac, 1987 jam 4.00 petang.

Dokumentari

RADIO Televisyen Brunei akan menayangkan satu siri dokumentari yang mendedahkan peranan dan kegiatan jabatan-jabatan kerajaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam langkah untuk membawa penonton di tanahair khususnya supaya mengetahui lebih dekat lagi akan projek yang dikendalikan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai satu portfolio yang merangkumi empat buah jabatan-jabatan Kerajaan, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka, Kebajikan, Belia dan Sukan, Muzium-Muzium Brunei dan Pusat Sejarah.

Melalui jabatan-jabatan ini, lah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyalurkan rancangan-rancangan dan projek dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi perkembangan kemajuan di bidang-bidang tertentu.

Untuk rancangan pertama, fokus ditumpukan kepada kegiatan Pejabat Pusat Sejarah yang dibahagikan kepada dua bahagian rancangan. Dalam bahagian pertama, RTB akan mendedahkan kegiatan-kegiatan unit pentadbiran dan unit penyelidikan.

Tayangannya dijadualkan pada 3 Februari, 1987 jam 8.50 malam.

Mari Memasak:

Kofta Kabab Khatai

BAHAN-BAHANNYA:

- 1 kati daging kisar lembu atau kambing
- 1 1/2 inci halia dicincang halus
- 2 ulas bawang putih dicincang halus
- 1 cawan tepung kacang kuda
- 1 1/2 sudu teh garam
- 1 sudu teh serbuk lada
- 1 biji telur
- 2 aun (1/4 cawan) kismis
- 1/2 biji lemon (perah ambil airnya)
- 3 sudu besar air
- Minyak untuk menggoreng

KUAHNYA:

- 1/2 cawan mentega atau ghee
- 2 biji bawang besar dicincang
- 1 inci halia dicincang
- 2 ulas bawang putih dicincang
- 1 sudu besar serbuk ketumbar
- 1 sudu teh jintan
- 1 sudu teh serbuk lada
- 2 1/2 cawan tairu
- 1 sudu teh garam
- 2 sudu besar daun ketumbar dicincang.

CARA-CARA MEMBUATNYA:

1. Daging kisar, halia, bawang putih, 1/2 cawan tepung, garam, serbuk lada dan telur dicampurkan kesemuanya ke dalam mangkuk besar, gaulah

hingga rata. Ambil kira-kira 2 sudu besar lalu bulatkan dan leperkan bebola jadi kemudian isikan 4 atau 5 biji kismis, tutup kemas-kemas dan bulatkan semula. Buatlah begitu sehingga adunan habis.

2. Ayak 1/2 cawan tepung yang lebih tadi bersama garam. Campurkan air lemon dan air hingga rata kemudian celup bebola daging tadi di dalam adunan tepung lalu digoreng kira-kira 6 atau 8 minit sehingga rata kuningnya.

3. Untuk membuat kuahnya, panaskan mentega atau ghee, gorenglah bawang, halia, bawang putih hingga layu kemudian masukkan ketumbar, jintan, serbuk lada kacau rata kira-kira 3 minit. Tuangkanlah tairu dan garam.

4. Besarkan apinya apabila mendidih masukkan bebola daging yang telah digoreng tadi. Balik-balikkan daging tadi perlahan-lahan. Tuangkan periuk kemudian kecilkan apinya, masaklah kira-kira 15 minit. Sesudah masak masukkan di dalam pinggan dan taburlah daun ketumbar. Boleh dihidangkan bersama capati atau nasi.

Sandiwara Radio:

'Bakal Menantu'

MINGGU ini Sandiwara Radio berjudul BAKAL MENANTU, tulisan Hashim Muhammad, Kelantan, Malaysia.

Sandiwara yang bertemakan cinta ini mengutarakan Sofian sebagai pelaku utama. Sebagai anak kepada keluarga yang berada, sememangnya Sofian digalakkan untuk mencari pasangan yang sesuai dengannya terutama sekali oleh ibunya sendiri.

Zuraida adalah gadis pilihan Sofian. Segala hasrat hatinya dicurahkan secara terang-terangan. Zuraida pula hanya mengharap agar keputusan Sofian itu tidak akan menimbulkan kekesalan kerana perbezaan kedudukan keluarga di antara mereka. Sofian anak kepada orang yang berada, sementara Zuraida adalah anak yatim piatu yang hanya hidup bersama neneknya.

Sofian dan Zuraida juga tidak dapat lari dari dogma. Belum sempat Sofian meminang ibunya memimingkan Sofian tiba-tiba menjadi benci pada Zuraida disebabkan oleh sekeping gambar yang diberikan padanya. Dalam gambar itu Zuraida bersama seorang lelaki.

MANHOLE FRAME AND COVERS TO BS.497

(a) Grade 'B' (Medium Duty) Rectangular

Cover and Frame B5-24/18 Solid Top — 50 Nos.

(b) Grade 'B' (Medium Duty) Rectangular

Cover and Frame B5-24/18R Recessed

Top — 50

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh

diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½,

Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di atas satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR 6 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD519/4801

TAMBAHAN KEPADA STESEN BOMBA LAUT DI SUNGAI LAMPAL, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 7 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/0501

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH UNTUK PINGGIR JALAN DI JALAN PENGHUBUNG SUBOK-MANGGIS, DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL: JKR 8 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/1401

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH UNTUK CADANGAN JALAN PENGHUBUNG PERINDUSTRIAN, GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL: JKR 9 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD419/3301

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK MESS PEGAWAI KERAJAAN DI PADANG PERMAINAN GOLF PANTAI MENTIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 11 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 10 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AD/ABD044

PEMBAIKAN SEMULA 1 BLOK 2 UNIT PERU-

MAHAN KELAS 'G' KEROSAKAN OLEH KEBAKARAN API DI PERKHEMAHAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 4 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 11 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

ROJEK No.: AD414/0142

14 BLOK RUMAH PANGSA KELAS F/1, PERINGKAT B/1 BAGI CADANGAN PERUMAHAN KERAJAAN DI KAMPONG KIARONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 9 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$5,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 12 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: 86AR/00500

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 10MM DAN 20MM BATU GRANIT KE DEPOT PERINDUSTRIAN JABATAN KERJA RAYA DI KAMPONG SINARUBAL, DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 9 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: JKR 13 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang mahir atau Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AW/14700

MEMBEKAL, MEMASANG DAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENGENDALIAN KUASA ELEKTRIK BAGI 8 UNIT PENSTOCKS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 14 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/14800

PEMBESARAN PEJABAT STOR DAN MAKMAL YANG SEDIA ADA BAHAGIAN SALURAN NAJIS DI JALAN KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 15 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009174

MEMBAIKI JAMBATAN BELANGKAS, JABATAN LAUT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 11 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 16 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong hawa dingin berdaftar di Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik Kelas "B" untuk:

PROJEK No.: AD403/0701 dan AD403/0501

MEREKABENTUK, MEMBEKAL, MENGHANTAR, MENGUJI DAN MENGGHIDMATKAN UNTUK KILANG BUNGKUSAN KEPINGAN AIS DAN PASANG SIAP STOR KEPINGAN AIS BAGI KOMPLEKS PELANTAR IKAN DI KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Rabu 11 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal atau quasi-quasi untuk membekalkan batu-batu kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam bagi tempoh selama dua (2) tahun, iaitu mulai sebaik-baik sahaja keputusan Lembaga Tawaran dibuat dan dimaklumkan kepada yang beraja tawarannya diterima. Jenis-jenis batu yang dikehendaki oleh Jabatan ini adalah seperti berikut:—

1. Crusher Run Stone
2. Crushed Stones 4 inches
3. Round Stones (Mixed)
4. Block Stones
5. Dust Stones
6. Selected Round Stones of not less than 6 inches.

2. Pembekal-pembekal hendaklah menyatakan harga bagi tiap-tiap satu ela padu dan juga harga bagi tiap-tiap satu tan berat mengikut jenis batu yang disenaraikan. Harga tawaran tersebut tidaklah termasuk pengangkutan.

3. Pembekal mestilah bersedia dan boleh membekalkan peyanaan yang dibuat dan dikehendaki dari semasa ke semasa dengan cepat. Pengangkutan batu-batu tersebut adalah disediakan oleh Jabatan ini.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh membatalkan pembekal yang berjaya sekiranya terdapat perkhidmatan yang tidak memuaskan pada bila-bila masa atau/ dan kemungkinan tidak lagi diperibadikan bagi tawaran-tawaran akan datang.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan bilangan tawaran Bil: JDB B/1/87. MEMBEKALKAN BATU KEPADA JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA.

6. Semua tawaran hendaklah dihantar dan sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin 16 Februari, 1987 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang lewat sampai pada tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL: 2/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Jalan Elizabeth II tidak lewat pada 3.00 petang hari Rabu, 4 Februari, 1987 untuk menjalankan perkhidmatan Kantin Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuruul Bolqiah, Kampong Kilanas, Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran hendaklah dihandar dalam sampul surat yang tertutup dan berak (sealed) dan ditanda dengan perkataan "TAWARAN KANTIN SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI MAJEEDAH NURUUL BOL".

QIAH" tanpa menunjukkan identiti pemborong.

3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas, tidak akan dilayan.

4. Kiranya penerangan-penerangan lanjut ingin diperolehi maka Guru Besar Sekolah Ugama yang berkenaan atau Nazir Sekolah Sekolah Ugama Daerah Brunei dan Muara, bolehlah dihubungi pada bila-bila masa waktu pejabat.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PASUKAN BOMBA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NO. 6/1987

TAWARAN adalah bagi COMMUNICATION EQUIPMENTS AND INSTALLATIONS.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 Februari, 1987.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda "Tender for Communication Equipments and Installations" Jabatan Bomba.

4. Dokumen-dokumen tawar-

an serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari pejabat Pegawai Perhubungan dan Kerahan, Ibu Pejabat Pasukan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran sebanyak \$500.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya nanti. Cagaran tawaran akan menjadi hak milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

1.0 Nama projek:

BILANGAN TAWARAN: JKP/02/1987
HOUSING PHASE I AT THE BERUANG RESETTLEMENT/HOUSING SCHEME

2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam

mulai hari Rabu 28 Januari, 1987 hingga hari Selasa 24 Februari, 1987.

3.0 Kelayakan pemborong: Kelas "A" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (dokumen) + \$150.00 (lukisan)

5.0 Tarikh tutup: Hari Rabu 25 Februari, 1987 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Pejabat Setiausaha Tetap (T),
Tingkat 3,
Bangunan Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan:

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 11 Februari 1987.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat Satu,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

Kepada:

Selasa-Khamis 8.00 pagi — 11.00 pagi
2.00 petang — 3.00 petang

Isnin dan Sabtu 8.00 pagi — 10.00 pagi

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bil. Tawaran	Keterangan	Cagaran
DA/TQ/1/87	Membekal dan Menghantar Radial Arm Saw	\$100.00
DA/TQ/2/87	Membekal dan Menghantar Tilting Arbor Saw Bench	\$100.00
DA/TQ/3/87	Membekal dan Menghantar High Precision Surface Planer	\$100.00
DA/TQ/4/87	Membekal dan Menghantar Thicknesser	\$100.00
DA/TQ/5/87	Membekal dan Menghantar Kayu tidak berketam	\$100.00
DA/TQ/6/87	Membekal dan Menghantar Printed File	\$100.00
DA/TQ/7/87	Membekal dan Menghantar Walkie Talkie	\$100.00

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN BOMBA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin seperti tarikh yang telah ditetapkan di bawah bagi membekalkan perkara-perkara untuk Jabatan Pasukan Bomba Negara Brunei Darussalam.

TAWARAN BIL. 1/1987

Tajuk: "MEMBEKAL PERAHU BOMBA BAGI MELAWAN KEBAKARAN"

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.

Cagaran: \$500.00 (lima ratus ringgit)

TAWARAN BIL. 2/1987

Tajuk: "MEMBEKAL ALAT-ALAT PERKAKAS BOMBA"

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.

Cagaran: \$200.00 (dua ratus ringgit)

TAWARAN BIL. 3/1987

Tajuk: "MEMBEKAL LIGHT WATER 3 M BRAND DAN HIGH EXPANSION FORM"

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.

Cagaran: \$300.00 (tiga ratus ringgit).

TAWARAN BIL. 4/1987

Tajuk: "MEMBEKAL ALAT-ALAT PERKAKAS PENYELAMAT"

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.

Cagaran: \$300.00 (tiga ratus ringgit)

2. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi daripada Pegawai Turus Kanan Jabatan Pasukan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran yang lewat sampai selepas tarikh yang tersebut di atas tidak akan diterima.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling rendah atau tawaran yang tidak munasabah.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

BILANGAN RANCANGAN

P 3H0025/85

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas A atau B yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan lorong menggali, menam safuran, menimbuk, menimbuk di sepanjang Jalan Kampong Sungai Asam ke jambatan Masjid Baharu Sungai Kebun.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri

Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Mac, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda Membuat Lorong dan kerja awam di sepanjang Jalan Lumapas.

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran tawaran \$1,000.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang mesti ditetapkan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi hari Khamis 5 Februari, 1987 di Pengkalan Kampong Sungai Kebun (Masjid Baharu) Jalan Lumapas. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembinaan.

Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 14 Januari, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN

(1) BIJI JAGUS sekati \$11.00.

- a) Kedai Thye Serg Dept. Store
B1, Jalan Robert.
- b) Kedai Kim Seng Choon
No. 6, Jalan McArthur.

(2) LADA KERING sekati \$2.00.

- a) Kedai Eng Leong
No. 8 Jalan McArthur.
- b) Kedai Liong Chuan
Jalan McArthur.

(3) MEE KUNING (Falcon Moon) 40 sen.

- a) Chop Chin Seng
No. 107, Jalan Pemancha.
- b) Chop Hock Huat,
No. 62, Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

(1) BIJI JAGUS sekati \$11.00.

- a) Kedai Teo Hiang Hng
No. 45 Jalan Pretty.

(2) LADA KERING sekati \$3.50.

- a) Kedai Yick Guan
No. 3, Jalan Pretty.
- b) Kedai Koh Kee,
No. 60, Jalan Pretty.

(3) MEE KUNING (Falcon Moon) 40 sen.

- a) Kedai Ng Ming Hang,
No. 101, Jalan McKerron.
- b) Kedai Guan Heng
No. 30, Jalan Sungai.

SERIA

(1) BIJI JAGUS sekati \$11.50.

- a) Kedai Poh Shing
No. 6 Jalan Sultan Omarali.

(2) LADA KERING sekati \$3.00.

- a) Kedai Yick Fatt
Lot 2660,
Jalan Sultan Omarali.

(3) MEE KUNING (Falcon Moon) 40 sen.

- a) Kedai Yick Fatt
Lot 2660,
Jalan Sultan Omarali.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/MTB/1/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY OF 4 RING ELECTRIC COOKER AND SPARES

Tarikh tutup: 4 Februari, 1987.

Cengkeram: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/2/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY OF LINE TAPS AND CONNECTORS.

Tarikh tutup: 4 Februari, 1987.

Cagaran: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/2/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY OF DELIVERY OF HPS LUMINARIES AND ACCESSORIES.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987.

Cengkeram: \$200.00.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/3/1987

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BANGUNAN MAKMAL BAHASA BAGI INSTITUT PENYELAMATAN DI GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 9 Februari, 1987 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$300.00.

Kelayakan pemborong: Kelas 'A' sahaja (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN BOMBA

NO. 5/1987

TAWARAN adalah bagi RADIO COMMUNICATIONS AND INSTALLATIONS.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 16 Februari, 1987.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda "TENDER FOR RADIO COMMUNICATIONS AND INSTALLATIONS, JABATAN BOMBA."

4. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Pegawai Perhubungan & Kerahan, Ibu Pejabat Pasukan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran sebanyak \$500.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya nanti. Cagaran tawaran akan menjadi hak milik Kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.



BARISAN daripada Ahli Jawatankuasa Tabdir Tertinggi MBB yang hadir dalam perjumpaan itu. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO

Kebudayaan Puak Tutong perlu diperkembangkan

PEKAN TUTONG. — Majlis Belia Daerah Tutong perlu merancang beberapa kegiatan yang dapat menyatukan ahli-ahli persatuan-persatuan yang bergabung dengannya. Antara lain dengan menumpukan usaha menggalakkan dan mengembangkan kebudayaan puak Tutong yang menjadi salah satu unsur penting dalam kebudayaan negara ini.

Yang Dipertua Majlis Belia Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani ketika menyuarakan perkara itu, merasa yakin yang unsur-unsur kebudayaan daerah berkenaan boleh membantu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mewujudkan sistem nilai sosial yang baik di kalangan belia.

Usaha berkenaan, ujarnya selaras dengan dasar Majlis Belia Brunei (MBB) untuk mendesentralisasikan projek dan kegiatannya.

Beliau menyatakan hal itu ketika merasmikan Majlis Perjumpaan Jawatankuasa Tabdir Tertinggi Majlis Belia Negara (MBB) dengan Majlis Belia-Belia Daerah Tutong pada petang Ahad, 18 Januari lepas.

Yang Dipertua MBB itu menjelaskan, sepanjang tahun 1987 ini, MBB akan melaksanakan pelbagai projek yang antara lain menubuhkan Majlis Belia Daerah Temburong, melaksanakan resolusi Seminar Koperasi Belia, Pertandingan Membaca Al-Quran di samping menghidupkan dan menggerakkan persatuan-persatuan belia yang lama menghilang melalui Majlis Belia Daerah.

Menurutnya lagi, beberapa inisiatif dan langkah-langkah positif akan diambil untuk menggerakkan lebih berkesan dan terarah Sekretariat MBB dengan cara menyusun semula pentadbiran dan pengurusan khususnya dalam membahagi-bahagikan tugas kepada penolong-penolong setiausaha agung tertinggi dan menjadikan Pusat Belia di Bandar Seri Begawan sebagai ibu pejabat Majlis Belia Brunei (MBB).



SEBAHAGIAN daripada pemimpin-pemimpin belia yang hadir di majlis perjumpaan pada hari itu. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Mesyuarat tahunan Persatuan Pandu Puteri

BERAKAS. — Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam telah mengadakan mesyuarat tahunannya yang berlangsung di Bilik Persidangan Stadium Negara Hassanah Bolkiah, di sini pada 19 Januari 1987.

Mesyuarat itu telah dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua II, Yang Mulia Datin Masni binti Haji Ali.

Antara agenda mesyuarat hari itu ialah meluluskan minit mesyuarat Persatuan Pandu Puteri yang lepas, Laporan Pesuruhjaya Negara, Laporan Bendahari Kehormat, Laporan Setiausaha Peralatan, dan selain dari itu juga lantikan ahli-ahli baru bagi memenuhi jawatan-jawatan kosong serta lain-lain hal berbangkit.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Puan Hajjah Halimah binti Taib, Pesuruhjaya Antarabangsa Persatuan Pandu Puteri Malaysia juga selaku wakil World Association of Girl Guides and Girl Scouts, (WAGGS).

Dalam ucapannya Puan Hajjah Halimah berkata Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam telah ber-

jalan dengan memuaskan baik dari segi kegiatan di peringkat negeri mahupun di daerah-daerah.

Selain dari itu beliau juga berharap tahap perjalanan

dan pentadbiran Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam akan dapat memenuhi syarat-syarat dan kehendak-kehendak badan dunia (WAGGS).



BEGINILAH suasana ketika Persatuan Pandu Puteri mengadakan mesyuarat tahunannya yang berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah baru-baru ini.



Kelolaan Abd. Karim HAB dan Haniza Abdullah

BELIA & SUKAN

Asas keugamaan harus diperkuatkan

BANGAR. — Asas keugamaan harus dikuatkan dalam memupuk perkembangan dan kemajuan baik di segi sosial, ekonomi dan hal lain yang berkepentingan untuk negara dan ugama.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Haji Damit ketika mengingatkan hal itu kepada para pemimpin belia, menegaskan bahawa kestabilan ekonomi dan politik sesebuah negara itu bukan sahaja bergantung kepada para belia yang bijak pandai, jika mereka tidak menghiraukan kepentingan-kepentingan berugama.

"Saya ingin berpesan kepada pemimpin belia dan keseluruhan belia bahawa para belia adalah generasi yang diharapkan oleh negara untuk sama-sama membentuk satu masyarakat Brunei yang benar-benar beridentitikan 'kebruneian'," katanya sewaktu merasmikan Kursus Asas Kepimpinan Belia Daerah Temburong pada 22 Januari lepas.

Beliau menambah, para belia juga diharapkan mempunyai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang sebagai asas penggerak untuk mempercepatkan dan mempesatkan kemajuan bangsa dan negara dengan berasaskan sifat-sifat takwa kepada Allah.



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Othman bin Damit.

57 sertai Kursus Asas Kepimpinan Belia

BANGAR. — Kira-kira 57 orang pemimpin belia Daerah Temburong telah menghadiri Kursus Asas Kepimpinan Belia selama tiga hari bermula pada 22 Januari lepas di Dewan Kemasyarakatan di sini.

Kursus itu dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan sebagai salah satu usaha jabatan berkenaan bagi menghidupkan dan menggalakkan serta memperbaiki urusan pentadbiran persatuan-persatuan belia mengikut keadaan semasa.

Menurut jurucakap jabatan berkenaan, matlamat kursus itu ialah melatih bakal pemimpin belia dalam teknik-teknik dan pengurusan pertubuhan di samping memberi latihan secara teori dan amali bagi membentuk keperibadian berhemah tinggi.

Sepanjang kursus itu para peserta didedahkan dengan pelbagai aspek mengenai belia seperti 'Apa Dia Persatuan Belia', 'Undang-Undang Persatuan Belia', 'Perancangan dan Pelaksanaan Kegiatan-Kegiatan Belia' dan 'Mengenai Pengurusan Kewangan'.

Para peserta juga diaturkan mengikuti kegiatan-kegiatan sukan, riadah dan keugamaan.

Ratusan penonton terhibur saksikan persembahan gimnastik

BERAKAS. — Ratusan penonton terhibur apabila menyaksikan serombongan 35 orang ahli-ahli gimnastik dari Denmark membuat persembahan menarik di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini minggu lepas.

Para penonton yang kebanyakannya terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah terpegun apabila ahli-ahli gimnastik itu melakukan aksi-aksi menarik dan mendebarkan.

Sebanyak 17 corak persembahan iaitu berlari membuat lompatan di atas bar, membuat pergerakan cepat menerusi spring board, dan melompat dengan pelbagai aksi sambil bergayut pada badan rakan mereka. Juga dipersembahkan termasuklah beberapa buah tarian kebudayaan bagi penduduk negara-negara Scandinavia.

Berangkat menyaksikan persembahan pada hari itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, yang terdahulu daripada itu diperkenalkan kepada ahli-ahli gimnastik sebelum persembahan bermula.

Menurut Pengurus Pasukan itu, Awang Finn Berggreen, pasukan gimnastik Denmark itu ditubuhkan pada tahun 1939 dengan ahli-ahlinya terdiri dari kalangan penuntut-penuntut sekolah dan kelab-kelab. Setakat ini pasukan itu telah mengadakan 21 persembahan di seluruh dunia.

Mereka membuat lawatan bermula pada tahun 1980 ke beberapa buah negara di Amerika dan Kepulauan Pasifik dengan hanya membawa sekumpulan kecil rombongan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah diperkenalkan kepada ahli-ahli gimnastik Denmark di Stadium Negara Hassanal Bolkiah baru-baru ini. — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

Memajukan bidang sukan:

JKBS sentiasa memberi k'sama

BERAKAS. — Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Abd. Rahman bin Haji Mohiddin berkata, JKBS akan sentiasa memberikan kerjasama bagi memajukan bidang sukan negara ini.

Bantuan-bantuan tersebut menurutnya bukan saja terhad kepada padang-padang permainan, tetapi juga meliputi pada semua aspek termasuk alat-alat kelengkapan lain.

Menyatakan perkara itu ketika merasmikan Kejujutan Bola Sepak Jemputan antara Kelab Daerah Brunei dan Muara anjuran Persatuan Bola Sepak Amatir Negara Brunei Darussalam, BAFA, di Padang JKBS, Jumaat lepas menjelaskan, "JKBS akan sentiasa memberikan kerjasama ke arah melaksanakan apa jua usaha di bidang sukan ter-

masuk bola sepak dan apa jua bidang sukan yang lain."

Mengenai kejujutan anjuran BAFA itu, beliau menggesa usaha sedemikian patut diteruskan dari masa ke semasa dan ianya tidak terhad kepada satu-satu matlamat seperti Kejujutan Piala Malaysia atau Sukan SEA.

"Kejujutan ini, patut dijadikan satu aktiviti atau kegiatan yang secara berterusan, bukan menuju ke arah sebarang matlamat, walaupun pada dasarnya pemain-pemain yang akan dipilih daripada beberapa kejujutan," jelas beliau.

Sejumlah 16 buah pasukan diundang oleh BAFA bagi menyertai kejujutan ini dengan dibagikan kepada empat kumpulan.

Kumpulan A terdiri daripada Sabina F.C, Kelab Sukan Consultants, Shahbandar F.C, Kota Rangers, PAPP Kg. Sultan Lama, Kumpulan C ialah Ikerab F.C, Perangkap, Muara United, Kelab Kemas, manakala Kumpulan D ialah Perkasa, Youngsters F.C, Lumapas F.C, dan Persatuan Belia Sengkurong PBS.

Pasukan Ikerab memenangi perlawanan pertamanya, 2-1 ke atas Pasukan Perangkap.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN



Kegiatan sukan di sana sini

JKBS anjur perlumbaan renang peringkat umur

JABATAN Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan akan menganjurkan perlumbaan renang bulanan peringkat umur.

Pertandingan tersebut akan diadakan pada 1 Februari depan di Kolam Renang Anggerek Desa di Berakas. Bermula pukul 8.30 pagi.

Keterangan lanjut dan borang-borang permohonan boleh didapati dari sekarang di Kolam Renang Anggerek Desa di Berakas atau dari Awang Pelayar bin Tingkat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Pemohonan ditutup pada hari esok 29 Januari, 1987.

Kejujutan Squash Remaja

PERSATUAN Squash Brunei akan menganjurkan Kejujutan Squash Remaja yang dijangka akan dilangsungkan pada 21 dan 22 Februari depan.

Kejujutan tersebut terbuka kepada penduduk-penduduk di Negara Brunei Darussalam yang telah tinggal selama dua tahun.

Borang-borang dan keterangan lanjut boleh diperolehi daripada pihak penganjur. Tarikh tutup menghantar borang ialah pada 11 Februari 1987.

Liga bola sepak antara divisyen Tentera Laut

LIGA bola sepak antara divisyen-divisyen Tentera Laut telah berlangsung selama enam hari iaitu bermula pada 6 hingga 11 Januari lalu.

Perlawanan akhir telah diadakan pada 15 Januari bertempat di Padang Tentera Laut Muara. Dalam perlawanan itu Pasukan Divisyen Peronda Pantai telah menumpaskan Pasukan Divisyen Kapal Peluru Berpandu dengan jaringan 2-1.


Sejumlah empat divisyen telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Tentera Laut, Leftenan Kolonel Mohd. Noeh bin Abd. Hamid.



AWANG Abd. Rahman, Pemangku Timbalan Pengarah JKBS, ketika diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang menyertai Kejujutan Bola Sepak Jemputan Antara Kelab-Kelab, Daerah Brunei-Muara (atas).

PERGELUTAN hebat di depan pintu gol Pasukan Ikerab, bagaimanapun pertahanan Ikerab berjaya menghalang penyerang Perangkap daripada menembusi gawang gol (kanan). — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



SATU aksi menarik di mana seramai enam orang ahli gimnastik memperlihatkan kecakapan mereka. — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

Latihan lanjut untuk kakitangan perubatan: Pelatih-pelatih luar negeri akan didatangkan

PEKAN SERIA.

Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), akan mendatangkan pelatih-pelatih luar negeri bagi memberikan latihan-latihan lanjut kepada kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan dalam kerja-kerja 'Primary Health Care'.

Setiasa Tetap Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohd. Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin memberitahu perkara itu ketika berucap di majlis Pameran Menuju Ke Arah Kesihatan, di Dewan Pejabat Daerah pekan itu menyeru, semua masyarakat supaya sama-sama mempertingkatkan mutu kesihatan melalui penglibatan dalam pelbagai kegiatan kesihatan.

"Dari itu matlamat 'kesihatan bagi semua' menghendaki kita semua terutama sekali ketua-ketua kampung dan anak-anak buahnya bekerjasama dalam mempertingkatkan lagi mutu kesihatan dengan melibatkan diri dengan berbagai kegiatan kesihatan," jelasnya.

Sehubungan dengan itu tambahnya, usaha-usaha berkenaan berkait rapat dengan konsep 'primary health care' yang sedang dan akan giat diusahakan.

Perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan sekolah menurutnya tertumpu pada usaha-usaha mengadakan

Oleh: Ahat Haji Ismail

pemeriksaan kesihatan dengan memberikan kegiatan lain yang pada umumnya berbentuk pencegahan serta menggalakkan kesihatan.

Mengenai dengan pameran itu beliau berkata ianya benar-benar memberi kesan yang 'receptive'.

"Bimbingan kesihatan seperti pameran yang diadakan pada pagi ini benar-benar memberi kesan dan hendaklah ditujukan kepada mereka yang benar-benar 'receptive'. Sebagaimana kita semua sedia maklum, satu-satu kumpulan terbesar yang paling receptive adalah terdiri dari penuntut-penuntut sekolah," ujarnya.

Bimbingan kesihatan yang sempurna jelas beliau selanjutnya akan dapat membentuk perangai dan meningkatkan kesan yang sedikit sebanyak dapat membantu seseorang penuntut.

Ke arah itu pula para penuntut seterusnya akan menyebarkan kepada ibu bapa mereka masing-masing yang secara langsung memberikan bimbingan berkenaan sampai ke masyarakat umum.

Sebahagian daripada rancangan dan kegiatan-kegiatan kementerian adalah sematamata bermatlamatkan kesihatan bagi semua menjelang tahun 2000.



YANG Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin merasmikan pameran 'Menuju Ke Arah Kesihatan' di Dewan Pejabat Daerah Setia. — Gambar oleh Harun Rashid.



KEADAAN cuaca kering dan berangin tetapi menjelang hujung minggu hujan berkemungkinan berlaku di beberapa kawasan. Ramalan cuaca bagi tempoh 27 Januari hingga 3 Februari 1987.

Sembahkan surat perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenaan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Fuad bin Mubarak bin Ali Al-Hinai di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di sini pada 24 Januari lepas.

Di istiadat itu, Tuan Yang Terutama telah menyebarkan surat perlantikannya selaku Kuasa Usaha Kesultanan Oman ke Negara

Brunei Darussalam.

Tuan Yang Terutama Tuan Fuad, 41, berkelulusan 'Licentiate In English Literature' dari Universiti Kuwait mula berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Kesultanan Oman dalam tahun 1974 dan pernah bertugas di New York, Cairo dan Geneva.

Tuan Yang Terutama Tuan Fuad yang tiba pada 19 Januari lepas adalah Penolong Ketua kepada Jabatan Persidangan dan Pertubuhan Antarabangsa sebelum dilantik selaku Kuasa Usaha Kesultanan Oman ke negara ini.

Menteri Kesihatan lawat dua buah rumah sakit

MENTERI Kesihatan Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin, telah mengadakan lawatan ke rumah sakit Daerah Tutong dan Rumah Sakit Seri Begawan Daerah Belait, serta merasmikan Pameran Menuju Ke Arah Kesihatan di Dewan Pejabat Daerah di Setia 24 Januari, lepas.

Aturcara lawatan bermula dengan kunjungan ke rumah sakit Daerah Tutong. Dalam lawatan di sana, Yang Berhormat berkesempatan mengunjungi semua bahagian yang terdapat di situ selain meneliti perkembangan-perkembangan yang terdapat dan corak perjalanan perkhidmatan yang diberikan.

Lawatan ke kedua buah rumah sakit itu merupakan 'satu tinjauan' secara dekat berhubung dengan perkembangan perubatan dan kesihatan di kedua daerah berkenaan.

Yang Berhormat juga mengunjungi Rumah Sakit Seri Begawan di Kuala Belait di sebelah petang.

Termasuk dalam rangka lawatan itu ialah perasmian pameran yang bertemakan 'Menuju Ke Arah Kesihatan' di Dewan Pejabat Daerah, Pekan Setia. Pameran kelolaan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan sekolah itu antara lain mengandungi tunjuk cara

penjagaan makanan, kesihatan rumahtangga, pemeliharaan alam sekitar, serta kaedah-kaedah mendidik kanak-kanak sekolah dan ibu bapa ke arah matlamat peningkatan kesihatan untuk semua menjelang tahun 2000.

Amalkan sikap peri kemanusiaan

Dari muka 1

pun meliputi perintah hukuman mati atas kesalahan mengedar dadah sepertimana juga yang ada di negara-negara jiran.

"Seperti juga undang-undang di negara-negara jiran kita, undang-undang bagi penyalahgunaan dadah mengemukakan sikap berperikemanusiaan terhadap para pengguna," sabda Yang Amat Mulia.

Mesyuarat ASEAN — NZ kali ke-8 diadakan April '87

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mesyuarat persediaan untuk Mesyuarat ke-8 ASEAN-New Zealand Dialog telah diadakan di Bilik Persidangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Mesyuarat berjalan selama dua hari iaitu dari 20-21 Januari 1987.

Tuan Yang Terutama Awang Lim Jock Seng, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang juga Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke

Wellington telah mempengerusikan mesyuarat tersebut. Negara-negara ahli ASEAN masing-masing telah diwakili oleh pegawai-pegawai kanan mereka.

Di antara agenda yang telah dibincangkan adalah mengenai hal-hal perdagangan, pelaburan dan juga kerjasama pembangunan. Mesyuarat ke-8 ASEAN-New Zealand Dialog akan diadakan pada bulan April 1987 di Wellington, New Zealand.

D.P.P.W. hadiri sidang di Kuwait

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam berangkat ke Kuwait untuk menghadiri Persidangan Ketua-ketua Negara Islam Kelima pada 25 Januari lepas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan dan lain-lain kerabat Diraja telah berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa bagi mengucapkan selamat belayar. Juga hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Dato Mahawangsa Haji Sulaiman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Duli Yang Teramat Mulia

telah diiringi oleh beberapa orang pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Persidangan Ketua-ketua Negara Islam Kelima berlangsung dari 26 hingga 28 Januari yang antara lain membincangkan masalah-masalah Timur Tengah, Afghanistan dan masalah-masalah yang berkaitan dengan umat Islam.

Negara Brunei Darussalam menyertai persidangan ini adalah bagi kali kedua.

Sementara itu, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang telah berangkat ke Kuwait pada 22 Januari lepas untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Dalam hal ini, menurut Yang Amat Mulia, pertimbangan utama ialah dengan jalan pemulihan ke dalam masyarakat.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja juga menjelaskan kita akan terus mengikuti dengan terperinci perkembangan undang-undang berkenaan di negara-negara jiran serta mengemaskinikan undang-undang kita di mana perlu.

Menyentuh tentang kemalangan di jalan raya yang kian meningkat dengan mengakibatkan kematian dan kecederaan, Yang Amat Mulia bersabda, keadaan lalu lintas di negara ini menjadi lebih rumit berikutan bertambahnya bilangan penduduk dan pembangunan yang bertambah pesat.

Yang Amat Mulia memberitahu perkara tersebut terus mendapat perhatian khusus dari kerajaan dan menyifatkan masalah berkenaan bukanlah unik bagi negara ini tetapi suatu yang serius.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dijunjung ziarah oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan sejurus sebelum berangkat. — Gambar oleh Harun Rashid.